



● BIL 308 ● 11 - 17 APRIL 2025 ● PP19441/12/2018 (035014)

WILAYAHKU

www.wilayahku.com.my



BNPL: *JERAT HUTANG* ATAU KEPERLUAN?

➤➤ 2-4

Tarif AS: Ekonomi
negara berdaya tahan
➤➤ 5

Pelihara kemurnian
Aidilfitri
➤➤ 8

Jangan jadi
'batu api' neraka
➤➤ 14

Buta mata menilai keperluan, kehendak

KETAGIHAN UNTUK BERBELANJA

LAPORAN: AINI MAWAWI, SERIMAH SALLEHUDDIN, AZLAN ZAMBRY & METRA SYAHRIL MOHAMED

KEMUDAHAN akses terhadap skim Beli Sekarang, Bayar Kemudian (BNPL) mendorong anak muda terus terjerumus dalam kancuh 'ketagihan' untuk berbelanja kerana dapat membeli barangan yang mereka inginkan tanpa perlu membayar penuh pada peringkat awal.

Malah, golongan tersebut lebih teruja dan tertarik dengan skim berkenaan yang membolehkan mereka membayar sedikit demi sedikit harga barangan dibeli pada bulan-bulan seterusnya.

Menurut Pensyarah Fakulti Perniagaan dan Pengurusan Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA), **Dr Hazrin Izwan Che Haron @ Shafiee**, gaya hidup juga menjadi antara penyebab utama golongan tersebut memilih skim BNPL.



HAZRIN IZWAN

"Anak muda boleh membeli produk terbaharu atau keperluan dengan mudah, yang mungkin mereka tidak mampu bayar sepenuhnya dalam satu masa terutamanya pada golongan pelajar.

"Dalam masa sama, mereka berpeluang membeli barangan berharga tinggi contohnya pembelian barangan seperti telefon pintar, pakaian atau alat elektronik yang menjadi kegilaan kepada golongan muda (yang tidak mampu dibayar secara tunai) telah merencanakan lagi penggunaan BNPL.

"Keinginan yang mengatasi

segala-galanya terutama 'darah muda' yang menguasai diri membutakan mata untuk menilai keperluan dan kehendak selain kekurangan pengetahuan tentang pengurusan literasi kewangan menyebabkan kurang berfikir tentang kemampuan membayar balik di masa depan," katanya kepada Wilayahku.

Tambahnya jika penggunaan BNPL tidak diikuti dengan pengurusan kewangan yang baik, maka ia berpotensi untuk membawa mereka ke arah kegagalan kewangan atau bankrap.

"Pentingnya ilmu literasi kewangan terhadap golongan muda ini terutamanya berkenaan berapakah jumlah *interest* (faedah) berganda yang dikenakan dalam tempoh yang mereka pilih (makin lama tempoh makin berganda *interest* harus dibayar).

"BNPL boleh menggalakkan anak muda untuk berhutang kerana mereka cenderung menggunakan skim ini tanpa mengambil kira kemampuan kewangan. Jika tidak tahu menguruskan kemudahan ini dengan bijak kemungkinan mereka terpaksa berdepan dengan hutang yang berganda apabila gagal untuk membayar balik pada masa yang ditetapkan," jelas beliau.

Namun, dalam masa yang sama Hazrin tidak menafikan skim ini boleh dianggap satu langkah baik dalam keadaan tertentu



GOLONGAN muda tertarik kerana kaedah pembayaran bulanan yang mudah.

terutamanya golongan yang tidak mempunyai akses kepada kredit atau simpanan untuk membeli barangan keperluan.

"Ia memudahkan akses kepada barangan yang mungkin sukar diperolehi secara tunai dalam tempoh singkat bagi yang memerlukan keperluan. Sebagai

contoh, alat peralatan dapur, kenderaan, komputer riba atau pakaian.

"Berhati-hati dengan penggunaan berlebihan terutamanya bagi barangan kehendak yang tidak perlu. Tanpa pemantauan yang betul, ia boleh menyebabkan golongan rentan terjat dalam

pembayaran berulang bersama *interest* yang tinggi dan akan mengganggu kestabilan kewangan mereka.

"Penggunaannya juga boleh menyebabkan komitmen kewangan yang tinggi setiap bulan, terutamanya jika pengguna membeli banyak barangan melalui skim tersebut tanpa mengira lebih gaji setelah menolak komitmen asas.

"Setiap bulan, mereka perlu membayar hutang BNPL di samping *interest* dan ia juga boleh bertukar menjadi komitmen utama seperti pinjaman perumahan, kenderaan, bil utiliti serta perbelanjaan harian (barang dapur).

"Ia boleh menyebabkan beban kewangan yang berterusan dan menyebabkan pengguna terdedah kepada masalah kewangan jika tidak berhati-hati mengira lebih gaji yang mampu untuk membayar hutang BNPL," katanya.

Beliau turut menasihati anak muda untuk menggunakan skim tersebut secara bijak dan hanya untuk keperluan penting sahaja.

"Sebelum membuat keputusan menggunakan BNPL, pengguna seharusnya memastikan mereka mempunyai kemampuan kewangan yang mencukupi untuk membayar balik tanpa membebaskan komitmen kewangan bulanan.

"Elakkan diri terjebak dalam gaya hidup berbelanja berlebihan.

"Haruslah menahan nafsu berbelanja secara tidak terkawal ini dan utamakan simpanan untuk masa depan. Sentiasa semak rekod kewangan dan pastikan bahawa penggunaan BNPL tidak melebihi kemampuan," katanya.

Belia terperangkap hutang digital

PENINGKATAN ketara penggunaan perkhidmatan Beli Sekarang, Bayar Kemudian (BNPL) dalam kalangan belia menjadi kebimbangan utama apabila ribuan anak muda kini terjerat dengan hutang jangka panjang akibat kurangnya ilmu kewangan dan pengaruh budaya hidup mewah.

Pensyarah Kanan Fakulti Pengurusan Perniagaan Universiti Teknologi MARA (UiTM), **Dr Bashir Ahmad Shabir Ahmad** berkata lebih 35,000 belia telah diisytiharkan bankrap sehingga tahun lalu dan situasi ini berpunca daripada kecenderungan berbelanja melebihi kemampuan serta ketergantungan kepada kemudahan kredit digital tanpa kawalan.

"Jika dahulu masyarakat mudah terjerat melalui penggunaan kad kredit, hari ini senarinya berubah melalui aplikasi BNPL secara dalam talian yang menawarkan pinjaman cepat, mudah, tanpa dokumentasi lengkap. Ramai anak muda tidak menyedari risiko ini terhadap mereka

untuk tempoh jangka panjang," katanya ketika dihubungi Wilayahku.

Menurut beliau peningkatan kos sara hidup dan tekanan inflasi menyebabkan golongan B40, M40, ibu tunggal dan belia melihat BNPL sebagai satu jalan keluar jangka pendek untuk memenuhi keperluan harian, namun ia sebenarnya menjadi jerat kewangan yang berpanjangan.

"Aplikasi BNPL menjadi satu ruang platform untuk meminjam secara berterusan oleh golongan tersebut kerana di situ letaknya harapan untuk mendapatkan pinjaman wang yang mudah, cepat serta kurang kerenah birokrasi bagi memenuhi keperluan dan kehendak peribadi dalam menjalani kehidupan harian," katanya.



BASHIR AHMAD

Beliau turut menegaskan wujud kelonggaran dalam aspek kawal selia penyedia BNPL di mana kebanyakan platform tidak tertakluk sepenuhnya di bawah pengawasan Bank Negara Malaysia (BNM).

"Konsep pinjaman BNPL tidak melalui proses semakan kelayakan seperti institusi kewangan. Cukup dengan salinan kad pengenalan, pinjaman diluluskan serta-merta.

"Dengan kaedah yang longgar dan mudah ini, ia sekali gus membuka ruang kepada ketagihan hutang yang tidak terkawal," katanya.

Beliau menambah bahawa kegagalan menangani isu ini boleh memberi kesan sosioekonomi besar kepada negara, termasuk kehilangan punca pendapatan, keretakan rumah

tangga, peningkatan jenayah dan penglibatan dalam hutang tidak berlesen seperti along.

Terdahulu, Menteri Kewangan II, Datuk Seri Amir Hamzah Azizan mendedahkan bahawa jumlah transaksi BNPL telah meningkat kepada RM7.1 bilion pada separuh kedua 2024, berbanding RM4.9 bilion pada separuh pertama tahun sama.

Beliau memaklumkan bahawa seramai 5.1 juta pengguna aktif direkodkan sehingga Disember 2024, dengan majoriti berusia antara 21 hingga 45 tahun, dan berpendapatan di bawah RM5,000 sebulan.

"Walaupun tahap pinjaman masih terkawal iaitu RM2.8 bilion atau hanya 0.2 peratus daripada keseluruhan hutang isi rumah, kerajaan mengambil serius perkembangan ini dan telah membentangkan bacaan pertama Rang Undang-Undang (RUU) Kredit Pengguna pada Mac lalu," katanya.

RUU tersebut akan mewujudkan rangka kerja pengawalseliaan yang

lebih menyeluruh ke atas pemberi kredit bukan bank termasuk BNPL, di samping penubuhan Suruhanjaya Kredit Pengguna (SKP) bagi memastikan perlindungan pengguna terus diperkasa.

"Penyedia BNPL perlu mematuhi etika dan garis panduan seperti ketelusan caj, pengurusan risiko kredit, serta peringatan pembayaran secara berkala," tambah beliau.

Dr Bashir dalam pada itu menyambut baik langkah kerajaan tersebut, namun menegaskan bahawa pendidikan literasi kewangan masih menjadi kunci utama dalam membendung krisis hutang, khususnya generasi muda.

"Kita tidak boleh hanya bergantung kepada undang-undang semata-mata. Masyarakat perlu dididik mengenai kebijaksanaan kewangan sejak di bangku sekolah lagi, supaya tidak mudah terjerat dalam kitaran hutang yang menjejaskan masa depan mereka," katanya.

Pastikan sektor kredit bertanggungjawab

BERI PENEKANAN ASPEK KEADILAN

RANG Undang-Undang (RUU) Kredit Pengguna yang dijangka diwartakan menjelang akhir tahun ini perlu mengutamakan perlindungan pengguna dalam apa jua dasar berkaitan kredit.

Malah Ahli Parlimen Bukit Bendera, **Syerleena Abdul Rashid** berkata negara juga memerlukan rangka kerja yang bukan sahaja melindungi pengguna tetapi memastikan pembangunan sektor kredit yang mampan dan bertanggungjawab.

“Saya menyambut baik usaha kerajaan untuk membentangkan RUU Kredit Pengguna sebagai langkah penting dalam memperkukuh ekosistem kewangan negara.

“RUU ini perlu merangkumi kawal selia terhadap semua bentuk kredit, termasuk skim bukan konvensional seperti Beli Sekarang, Bayar Kemudian (BNPL) agar tidak wujud sebarang kelompok dalam perlindungan pengguna,” katanya kepada Wilayahku.

Beliau yang juga Ahli Jawatankuasa Pilihan Khas (JKPK) Wanita, Kanak-Kanak dan Pembangunan Masyarakat Dewan Rakyat menambah bahawa RUU berkenaan diharap dapat menekankan aspek ketelusan dan keadilan dalam amalan pemberian kredit.

Tambahnya ia juga diharap dapat menyediakan mekanisme penyelesaian pertikaian yang berkesan.

“Selain itu, pendidikan kewangan kepada pengguna perlu diberikan penekanan agar rakyat lebih celik dalam membuat



SYERLEENA

keputusan berkaitan hutang dan pengurusan kewangan peribadi,” katanya.

Beliau memberitahu bahawa BNPL sememangnya semakin mendapat tempat dalam kalangan pengguna, khususnya golongan muda.

Namun beliau berpandangan ia membawa risiko kewangan yang serius jika tidak dikawal dengan rapi.

“Penggunaan BNPL tanpa penilaian kredit yang ketat

boleh mendorong pengguna kepada amalan berbelanja secara berlebihan dan berakhir dengan beban hutang yang tidak

terkawal.

Ketiadaan garis panduan yang jelas dan kelemahan dalam aspek ketelusan transaksi menyebabkan pengguna terdedah kepada caj tersembunyi, penalti kelewatan serta risiko rekod kredit yang terjejas,” jelasnya.

Justeru beliau menegaskan adalah penting agar mekanisme kawal selia diperkenalkan bagi memastikan skim BNPL tidak disalah guna dan pengguna dilindungi dengan sewajarnya.

Baru-baru ini Penolong Gabenor Bank Negara Malaysia (BNM), Abu Hassan Alihashari Yahaya memaklumkan RUU Kredit Pengguna bertujuan melindungi kepentingan pengguna kredit.

Kebaikan, keburukan BNPL



KEBAIKAN

- Membantu pengguna membeli barangan penting tanpa perlu bayar penuh sekaligus;
- Tiada faedah (jika bayar tepat waktu), berbeza dengan kad kredit;
- Sesetengah BNPL tidak mengenakan caj faedah jika bayar pada waktu singkat@ tepat;
- Memudahkan belian dalam talian dan bajet bulanan;
- Sesuai untuk mereka yang perlukan barang tetapi belum cukup tunai penuh;
- Membantu pengurusan tunai jangka pendek (pelajar atau baru bekerja);
- Membantu golongan berpendapatan sederhana mendapatkan barangan.

KEBURUKAN

- Ketagihan berbelanja (pembelian *impulsive*) & gaya hidup di luar kemampuan;
- Hutang bertindih (*debt spiral*) & tekanan kewangan terutamanya golongan muda;
- Bayaran lewat membuatkan skor kredit tercemar;
- Kesihatan mental terjejas, pengguna akan stres dan bimbang akibat lambakan hutang;
- Pengguna akan lebih suka berhutang daripada membuat simpanan kewangan.



CADANGAN

- Pendidikan kewangan@literasi kewangan perlu diperkenalkan secara meluas untuk pengguna memahami risiko;
- Pengguna yang mempunyai rekod kewangan yang tidak stabil, haruslah dihadkan jumlah penggunaan ataupun mempunyai syarat yang ketat;
- Pemantauan dan kawalan oleh pihak berkuasa untuk memastikan syarat-syarat penggunaan BNPL adalah jelas, adil dan tidak membebaskan pengguna;
- Sistem penjadualan pembayaran balik secara *lenient* dan notifikasi peringatan yang mudah capai untuk mengingatkan tarikh pembayaran dan jumlah baki hutang.

‘Bom jangka’ untuk pengguna

FENOMENA pembelian secara ansuran melalui kemudahan Beli Sekarang, Bayar Kemudian (BNPL) disifatkan sebagai ‘bom jangka’ kewangan kepada pengguna khususnya anak muda dan golongan berpendapatan rendah yang terdedah kepada krisis hutang mikro tanpa disedari.

Ketua Pegawai Eksekutif Gabungan Persatuan Pengguna Malaysia (FOMCA), **Dr T Saravanan** berkata BNPL semakin popular kerana promosi tanpa faedah dan kelulusan mudah, namun pengguna sering terperangkap dalam komitmen kewangan yang melangkaui kemampuan mereka.

“Ramai pengguna menggunakan BNPL untuk membeli barangan bukan keperluan seperti gajet, pakaian berjenama dan barangan gaya hidup.

“Tanpa pemahaman kewangan dan simpanan kecemasan, mereka akhirnya gagal membayar mengikut jadual dan terjerumus dalam kitaran hutang,” katanya kepada Wilayahku.

Pihaknya turut membangkitkan isu

promosi yang mengelirukan oleh penyedia BNPL yang menyasarkan golongan muda dengan janji ‘0% faedah’ dan proses mudah tanpa semakan kredit menyeluruh.

“Pengguna tidak dimaklumkan secara telus bahawa kegagalan membayar tepat waktu boleh dikenakan penalti antara 10 hingga 15 peratus.

“Malah, kemudahan ini sering diberikan kepada mereka yang tidak layak dari sudut kemampuan, sekali gus menambah risiko gagal bayar,” katanya.

Beliau turut menegaskan perlunya langkah kawal selia ketat terhadap penyedia BNPL termasuk penetapan had siling kredit, pendedahan menyeluruh mengenai terma pembayaran serta sistem aduan yang mesra pengguna.

“Penyedia BNPL mesti diwajibkan membuat penilaian kewangan pengguna secara ketat sebelum meluluskan kemudahan. Pengguna perlu dilindungi daripada eksploitasi korporat yang hanya mementingkan keuntungan,” jelas beliau.

Dalam usaha menangani masalah jangka

panjang, FOMCA katanya menyarankan agar pendidikan kewangan diperluas melalui institusi pendidikan, media serta platform digital bagi meningkatkan kesedaran pengguna.

“Ramai pengguna tidak tahu bahawa gagal bayar BNPL boleh menjejaskan skor kredit mereka, sekali gus menyukarkan pinjaman penting seperti perumahan atau kenderaan,” katanya.

Saravanan turut menyokong pengubalan Akta Kredit Pengguna (Consumer Credit Act – CCA) dan penubuhan Consumer Credit Oversight Board (CCOB) bagi memantau penyedia kredit bukan bank termasuk BNPL.

Namun jelasnya FOMCA menggesa agar suara pengguna diberi tempat dalam jawatankuasa dasar CCOB agar realiti lapangan tidak diabaikan.

“Kita tidak mahu CCOB hanya berfungsi secara teknokratik tanpa mengambil kira nasib pengguna. Ia mesti menjadi pelindung rakyat, bukan pelindung industri,” tegasnya.

Tambah beliau tanpa kerangka kawal selia menyeluruh, fenomena BNPL bakal menjadi krisis hutang baru dalam kalangan rakyat Malaysia jika dibiarkan berleluasa.



SARAVANAN

BNPL mendatangkan beban kewangan serius

PERKETAT SYARAT PEMBELIAN

SKIM Beli Sekarang, Bayar Kemudian (BNPL) merupakan kaedah membeli-belah secara dalam talian yang semakin popular dan menjadi alternatif pengguna di seluruh dunia.

Kaedah bayaran balik yang rendah tanpa faedah, syarat pembelian tidak ketat serta tidak terikat kepada agensi perbankan mahupun melibatkan penggunaan kad kredit menyebabkan ramai memilih BNPL sebagai alternatif.

Kini BNPL tidak hanya digunakan untuk membeli barangan di platform e-dagang, sebaliknya kemudahan BNPL ditawarkan secara meluas.

Namun apa yang menjadi persoalan apakah kaedah BNPL ini selamat? Lebih-lebih lagi apabila ia banyak digunakan golongan muda yang baru memulakan kehidupan.

Ikuti temu bual wartawan Wilayahku, **SERIMAH SALLEHUDDIN** bersama Ketua Pendidikan Kewangan Sektor Isi Rumah, Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK), **S. NIRMALA**.

Adakah syarat pembelian BNPL perlu diperketatkan bagi mengelakkan belia terjerumus dalam bebanan hutang dan risiko muflis?

Ya, syarat pembelian BNPL sememangnya perlu diperketatkan. Akses yang terlalu mudah kepada kemudahan kewangan ini telah membuka ruang kepada pengguna muda berbelanja secara impulsif tanpa memahami komitmen sebenar.

Sebagai contoh, laporan media tempatan menunjukkan peningkatan ketara dalam penggunaan BNPL dalam kalangan belia selepas pandemik COVID-19, terutamanya melalui platform e-dagang dan aplikasi mudah alih. Tanpa semakan kredit ketat seperti pinjaman konvensional, ramai belia membuat keputusan kewangan tanpa menilai kemampuan sebenar.

Mungkinkah jumlah ansuran rendah menyebabkan golongan muda 'terpengaruh' dan tidak nampak risikonya?

Ini adalah antara faktor utama kenapa BNPL begitu menarik kepada golongan muda. Contohnya, ansuran RM20 sebulan untuk sepasang kasut berjenama kelihatan ringan, tetapi apabila terdapat lima hingga enam komitmen sebegini pada masa yang sama, jumlahnya boleh membebankan.

Menurut satu kajian oleh Visa pada 2023, empat daripada 10 rakyat Malaysia mengakui mereka tidak menyemak jumlah keseluruhan hutang semasa sebelum menggunakan kemudahan BNPL.

Situasi ini diperburuk apabila pengguna tidak mempunyai pendapatan tetap atau tabungan kecemasan.

Adakah mereka berisiko menjadi muflis? Adakah kes BNPL dirujuk

kepada AKPK?

Risiko menjadi muflis tetap wujud, terutama apabila pengguna BNPL gagal membayar komitmen dan terus berhutang dari pelbagai penyedia. Meskipun jumlah hutang individu mungkin kecil, kombinasi beberapa hutang yang tidak terkawal boleh membawa kepada situasi beban kewangan serius.

Buat masa ini AKPK tidak dapat membantu dalam penstrukturan semula BNPL.

Perlukah ada campur tangan kerajaan atau akta khusus untuk kawal BNPL?

Campur tangan kerajaan adalah sangat wajar dan mendesak. Tanpa kawal selia yang ketat, BNPL boleh menjadi satu bentuk hutang tidak terkawal yang berkembang secara senyap.

Di Malaysia, langkah awal sedang diambil oleh Bank Negara Malaysia (BNM) dan Suruhanjaya Sekuriti (SC) menerusi penubuhan Jabatan Perlakuan Pasaran dan Pengawalseliaan Kelakuan (Consumer and Market Conduct Department) bagi memastikan penyedia kredit bukan bank, termasuk BNPL, beroperasi secara adil dan bertanggungjawab.

Namun, pemantauan yang lebih holistik masih diperlukan memandangkan penggunaan BNPL terus meningkat, khususnya dalam kalangan golongan muda.

AKPK menyokong penuh usaha kerajaan dalam memperkenalkan dasar dan akta perlindungan pengguna yang lebih kukuh.

Kami percaya bahawa kawal selia sahaja tidak mencukupi, ia perlu disokong dengan pendidikan kewangan yang berterusan.

Sebagai agensi yang mendukung literasi kewangan rakyat Malaysia, AKPK juga bersedia berganding bahu membina mekanisme rujukan bersama untuk membantu pengguna BNPL yang berisiko tinggi



sebelum mereka terjerumus dalam krisis hutang.

Adakah BNPL ini ada baik buruknya? Atau lebih kepada kehendak berbanding keperluan?

BNPL tidaklah sepenuhnya negatif. Jika digunakan dengan berhemah, ia boleh membantu dalam pengurusan aliran tunai, terutamanya untuk barangan yang benar-benar diperlukan seperti komputer riba untuk pelajar atau peralatan kerja untuk pekerja gig.

Namun realitinya, kebanyakan penggunaan BNPL lebih cenderung kepada pembelian barangan kehendak seperti gajet terkini, kasut edisi khas atau barangan kosmetik premium.

Menurut laporan oleh NielsenIQ, lebih 60% pembelian melalui BNPL di Asia Tenggara adalah untuk barangan fesyen dan elektronik, yang biasanya bersifat kehendak, bukan keperluan.

Selain itu, dua pertimbangan penting juga harus diambil kira sebelum memilih BNPL:

i) *Purpose* (Tujuan) – Adakah pembelian ini untuk tujuan produktif seperti mengembangkan perniagaan atau meningkatkan kemahiran kerja?

ii) *Payment Affordability* (Kemampuan Membayar) – Adakah saya benar-benar mampu membuat bayaran semula tanpa menjejaskan komitmen lain?

Melalui pendekatan praktikal seperti simulasi bajet dan senarai semak perbelanjaan, pengguna diajar untuk membuat keputusan yang lebih bijak, rasional dan seimbang demi kesejahteraan kewangan yang mampan.

Perlukah ada kempen kesedaran risiko BNPL terutamanya kepada pelajar universiti?

Sangat penting. Pelajar universiti adalah antara pengguna utama teknologi digital dan paling mudah terpengaruh dengan iklan BNPL di media sosial.

Mereka belum mempunyai pendapatan tetap tetapi sudah didedahkan dengan penggunaan

kredit, termasuk BNPL.

AKPK telah melaksanakan program seperti 'Kembara Bijak Wang' dan 'Go Giggers' yang menyasarkan belia dan pelajar IPT untuk mendidik mereka mengenai bahaya hutang, termasuk penggunaan BNPL yang tidak terkawal.

Program-program ini menggunakan pendekatan gamifikasi, podcast interaktif dan simulasi bajet untuk menarik minat golongan muda dalam memahami literasi kewangan dengan cara yang lebih mesra.

Adakah BNPL boleh membawa keburukan kepada negara?

Ya. Apabila penggunaan BNPL tidak dikawal, ia boleh membawa kepada peningkatan hutang isi rumah dan menjejaskan kestabilan kewangan rakyat. Jika terlalu ramai individu terperangkap dalam hutang kecil-kecilan tetapi banyak (*fragmented debt*), kesan makroekonomi jangka panjang boleh menjadi serius — pengurangan simpanan nasional, penurunan kuasa beli dan peningkatan permintaan terhadap bantuan kebajikan.

Contoh ketara ialah peningkatan kes kebangkrutan dalam kalangan belia di Malaysia yang dicatatkan selepas 2018. Walaupun bukan semua berpunca daripada BNPL, trend penggunaan kredit tanpa perancangan jelas semakin meningkat.

Barang jenis bagaimana yang wajar dibeli melalui BNPL?

BNPL sebaiknya digunakan untuk pembelian yang benar-benar perlu dan memberikan nilai tambah dalam kehidupan atau kerjaya seseorang. Sebagai contoh, seorang pelajar universiti mungkin boleh mempertimbangkan BNPL untuk membeli komputer riba yang diperlukan untuk pembelajaran, atau seorang pekerja gig untuk membeli peralatan berkaitan kerja.

Namun, pembelian seperti telefon pintar terbaru setiap tahun, pakaian berjenama mahal, atau barangan hiburan tidak seharusnya dibiayai melalui BNPL.

Perlukah BNPL diletakkan di bawah Central Credit Reference Information System (CCRIS) ?

Sangat wajar. CCRIS berfungsi sebagai pangkalan data untuk semua komitmen kredit individu. Dengan meletakkan BNPL di bawah CCRIS, institusi kewangan akan dapat menilai keseluruhan kemampuan seseorang sebelum meluluskan pinjaman atau pembiayaan.

Ini bukan sahaja memberi kawalan lebih baik kepada pihak institusi, malah mendorong pengguna untuk lebih bertanggungjawab.

TARIF AS: EKONOMI NEGARA BERDAYA TAHAN

RAMAI yang risau negara akan mengalami kemelesetan ekonomi apabila tarif sebanyak 24 peratus dikenakan oleh Amerika Syarikat (AS).

Maka 'berduyun-duyunlah' secara 'berjemaah' segelintir netizen mengkritik dan mempertikai kononnya Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim gagal mengurus ekonomi negara.

'Tak ada tarif pun berlaku kemelesetan ekonomi, apatah lagi ada tarif. 'Dah lama meleset'. 'Nak selesaikan masalah tarif, masalah yang ada pun tak dapat nak urus'. Itu antara kata-kata sinis dan tuduhan yang tidak berasas terhadap pemimpin negara.

Rakyat Malaysia tidak perlu bimbang kerana Perdana Menteri sendiri telah memberi jaminan Malaysia tidak akan mengalami kemelesetan ekonomi meskipun tarif sebanyak 24 peratus dikenakan oleh AS.

Menurut Anwar dari sudut pandangan ekonomi unjuran pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) 2025 sebanyak 4.5 hingga 5.5 peratus perlu dikaji semula jika tarif 24 peratus dikenakan.

"Namun begitu, buat masa ini, izinkan saya meyakinkan anda bahawa kerajaan tidak menjangkakan berlakunya kemelesetan ekonomi di Malaysia. "Ekonomi negara kita kekal berdaya tahan. Asas makroekonomi kita kekal kukuh termasuk



ANWAR menegaskan bahawa kerajaan telah mengambil beberapa langkah bagi mendepani tarif Amerika Syarikat.

perbelanjaan isi rumah yang mantap, pelaburan domestik yang kukuh, hasil pelancongan yang sihat serta pelaksanaan pelan induk nasional yang berterusan.

"Oleh itu, asas ekonomi kita yang kukuh membolehkan kita menghadapi cabaran ini dari posisi yang kuat dan bersiap siaga," katanya.

Tambah Anwar perdagangan Malaysia dibina atas rangkaian kerjasama serantau dan global yang pelbagai, yang telah diperkukuh selama bertahun-tahun.

Ini termasuk melalui ASEAN, Perjanjian Komprehensif dan

Progresif untuk Perkongsian Trans-Pasifik (CPTPP), Perkongsian Ekonomi Komprehensif Serantau (RCEP) serta rundingan yang sedang berjalan dengan Kesatuan Eropah dan usaha mempererat hubungan dengan negara-negara Selatan Global.

Kerajaan juga katanya telah mengambil beberapa langkah awal bagi menangani kesan tarif ini, termasuk penubuhan Pusat Pemerintah Geoekonomi Negara (NGCC) yang dipengerusikan sendiri oleh beliau.

Dalam pada itu, Anwar berkata Kementerian Pelaburan,

Perdagangan dan Industri (MITI) akan membentangkan kajian mendalam mengenai kesan tarif terhadap beberapa sektor eksport ke AS.

Tambah beliau Menteri Pelaburan, Perdagangan dan Industri, Datuk Seri Tengku Zafrul Aziz akan mengadakan mesyuarat secara maya bersama semua Menteri Ekonomi ASEAN, bagi menyediakan satu respons bersepadu dan terselaras.

Katanya satu kajian impak terhadap sektor-sektor tertentu juga akan dijalankan bagi menentukan bentuk sokongan yang sesuai untuk sektor yang paling terkesan dengan pelaksanaan tarif ini.

"Semua pilihan akan dikaji dan dipertimbangkan demi memastikan kesejahteraan rakyat serta kelangsungan sektor perniagaan.

"Kerajaan MADANI juga akan mempercepat agenda reformasi ekonomi dan perindustrian negara – seperti yang digariskan dalam pelan-pelan induk seperti Pelan Induk Perindustrian Baharu 2030 (NIMP 2030), Pelan Hala Tuju Peralihan Tenaga Negara (NETR) dan lain-lain – untuk membina daya tahan jangka panjang bagi ekonomi dan industri Malaysia.

"Di peringkat serantau, kita akan memperkukuh kerjasama bersama negara-negara jiran ASEAN. Negara-negara ASEAN adalah antara yang paling terkesan dengan tarif tinggi oleh Amerika Syarikat," katanya.

Bukan nak jatuhkan peniaga

ISU 'abang belon' masih lagi menjadi bualan di media sosial mahupun dalam kalangan masyarakat.

Apa yang tidak sedap didengar, terdapat segelintir netizen mendakwa kononnya Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim mahu menjatuhkan peniaga Melayu terutamanya di Kuala Lumpur.

Dakwa mereka, sebelum ini sudah ada beberapa kes yang sama turut melibatkan peniaga Melayu. Soal mereka, tidak pula diganggu peniaga-peniaga kaum lain yang ada sebahagian mereka melanggar peraturan.

Terdapat juga segelintir netizen mendakwa kononnya isu 'abang belon' menjadi titik mula usaha kerajaan untuk mengikut telunjuk kaum lain, mahu usir orang Melayu daripada menetap di Kuala Lumpur.

Bukan itu sahaja, mereka menuduh Perdana Menteri lebih mengutamakan kaum India susulan isu Kuil Dewi Sri Pathrakaliamman di Jalan Masjid India.

Anwar tampil memberi kenyataan dan menyelar pihak tertentu yang menggunakan isu



PENGUAT kuasa DBKL turut menjalankan operasi terhadap peniaga warga asing di ibu negara.

kuil dan belon sebagai bahan politik walaupun ia ditangani dengan baik.

Anwar berkata negara ini asas tonggakunya adalah Melayu dan dijamin dalam Perlembagaan Persekutuan.

Namun katanya ia tidak bermakna golongan minoriti lain mesti terus dihina kerana ia tidak pernah menjadi asas ajaran agama.

Tegasnya kedudukan Melayu terjamin dalam Perlembagaan

Persekutuan, di mana status Kerajaan MADANI dan Majlis Raja-Raja tidak boleh dimungkiri kenyataannya.

"Tapi, ini tidak bermakna kalau ada isu dengan golongan minoriti, mesti terus menghina. Ia tidak boleh. Untuk angkat martabat Melayu, ia memerlukan kekuatan, kerja, amal dan kesungguhan kita, bukannya remeh orang lain," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap sempena Majlis Perhimpunan Bulanan Perdana Menteri bersama Warga Kerja JPM bagi Bulan April 2025 di Dewan Seri Endon, Puspanitapuri di Putrajaya, baru-baru ini.

Tambah Anwar isu itu sengaja disensasikan oleh pihak tertentu seolah-olah berlaku perang besar.

"Sebab itu saya ingin mengesyorkan jangan berikan ruang kerana dia bebal dan tidak fikir kepentingan umum.

"Semuanya mahu dipolitikkan, semuanya mesti dengan cara menghukum, semuanya kafir dan munafik semuanya jahat belaka. Tak boleh begitu," katanya.

Sementara itu, Naib Ketua Angkatan Muda Keadilan (AMK) Wilayah Persekutuan, Muhammad Fitri Ramli berkata masyarakat perlu memberi ruang kepada pihak berkuasa menjalankan siasatan secara menyeluruh dan berintegriti.

Pihaknya turut memuji tindakan segera DBKL yang menggantung tugas anggota penguat kuasa terlibat sebagai langkah awal memastikan proses siasatan dapat dijalankan secara adil dan telus.

MENARIK WILAYAHKU



KUALA LUMPUR

17/2 - 16/4/25: Pameran Mengenang Asal Usul: Menyingkap Naratif Budaya @ Jabatan Muzium Malaysia

18 - 20/4/25: MATTA Fair @ MITEC KL

27/4/25: OCBC Cycle KL 2025 @ Dataran Merdeka

23/5 - 1/6/25: Pesta Buku Antarabangsa @ PWTC



PUTRAJAYA

20/4/2025: PERKESO RUN & RIDE @ Dataran Wawasan Putrajaya

11/5/25: Generali Malaysia Run 2025 @ Dataran Wawasan

5/7/25: Ecotrail Putrajaya



LABUAN

22/4 - 27/4/25: Labuan International Sea Challenge

26 - 30/7/25: Borneo Flora Festival @ Labuan 2025 @ Kompleks Sukan Laut Antarabangsa Labuan

26-28/9/25: Borneo Art Festival @ Ujana Kewangan

TALIAN KECEMASAN

Talian Kecemasan Negara (Polis, Bomba, Hospital, Pertahanan Awam, MARITIM): **999**

Talian Kasih KPWK: **15999**

Cyber 999: **1-300-88-2999 / 019-266 5850**

Laluan pejalan kaki Stesen LRT Taman Melati-TAR UMT

PACU MOBILITI HIJAU BANDAR RAYA KL

AZLAN ZAMBRY

DEWAN Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dengan kerjasama Radium Development Berhad merasmikan laluan pejalan kaki berbumbung yang dilengkapi sistem pencahayaan solar, menghubungkan Stesen LRT Taman Melati ke Universiti Pengurusan dan Teknologi Tunku Abdul Rahman (TAR UMT).

Datuk Bandar Kuala Lumpur, **Datuk Seri Dr Maimunah Mohd Sharif** berkata inisiatif itu selaras dengan matlamat jangka panjang pembangunan bandar raya yang mampan di bawah Pelan Struktur Kuala Lumpur 2040 (PSKL 2040) dan Pelan Induk Masyarakat Rendah Karbon Kuala Lumpur 2030.

“Projek ini mencerminkan komitmen DBKL dalam meningkatkan kemudahan awam serta menggalakkan mobiliti mampan dalam kalangan warga kota,” katanya ketika berucap merasmikan laluan berkenaan.

Beliau berkata laluan tersebut bukan sahaja menyediakan akses yang selamat dan selesa untuk pejalan kaki, malah menggalakkan penggunaan pengangkutan awam dan mengurangkan pelepasan karbon di bandar raya ini.



MAIMUNAH merasmikan laluan pejalan kaki berbumbung menghubungkan Taman Melati-TAR UMT.

Menurutnya projek berkenaan merupakan sebahagian daripada Program Flagship DBKL 2025 di bawah tema Penghijauan Bandar menerusi inisiatif Green Connector yang memberi tumpuan kepada pembinaan laluan pejalan kaki yang lebih hijau dan selamat.

Maimunah turut memuji Radium Development Berhad atas sumbangan mereka menerusi program tanggungjawab sosial korporat (CSR) seperti Skim Pinjaman

Pelajar TARC-Radium Care dan kerjasama dengan Dapur Jalanan PERTIWI.

“Usaha ini adalah contoh terbaik pelaksanaan pendekatan Kerjasama Awam, Swasta dan Rakyat (4P) yang menyokong pembangunan inklusif dan berorientasikan masyarakat,” katanya.

Beliau turut menyatakan harapan agar lebih banyak pemaju swasta tampil bekerjasama dengan pihak berkuasa tempatan dalam memperkasa infrastruktur hijau

di Kuala Lumpur.

Laluan ini merupakan antara usaha ke arah merealisasikan aspirasi Bandar untuk Semua (*City for All*) sebagaimana digariskan dalam PSKL 2040.

Sementara itu, Pengarah Urusan Kumpulan, Radium Development Berhad, Datuk Gary Gan Kah Siong berkata bagi menyerlahkan kepentingan projek tersebut, pihaknya sebagai pemaju mempunyai tanggungjawab dalam pembangunan negara.

“Di Radium, kami percaya bahawa sebagai pemaju, kami mempunyai tanggungjawab bukan sahaja untuk membina, tetapi untuk membina secara bertanggungjawab dan responsif, mendengar, memahami dan bertindak dengan cara yang benar-benar memberi manfaat kepada masyarakat.

“Inisiatif ini mencerminkan komitmen kami untuk membina kebaikan dan memastikan infrastruktur memberi perkhidmatan kepada orang yang paling memerlukannya,” katanya.

Majlis tersebut turut dihadiri, Presiden TAR UMT, Profesor Datuk Dr Lee Sze Wei dan Pengarah Eksekutif Radium Development Berhad, Chai Woon How. 

DBKL gempur penjaja asing

DEWAN Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) melancarkan tiga serbuan besar-besaran sepanjang cuti perayaan baru-baru ini, menyasarkan penjaja warga asing tanpa lesen yang beroperasi secara haram di beberapa lokasi tumpuan sekitar ibu kota.

Menerusi pelaksanaan Tindakan Khas Penjaja Warga Asing yang dijalankan di Jalan Silang, Jalan Bukit Bintang, Jalan Khoo Teok Ee, Jalan Petaling, Masjid Jamek, KLCC, Pavilion dan kawasan sekitarnya, sebanyak 28 aktiviti perniagaan haram telah dikenakan tindakan sita serta-merta.

Dalam beberapa hantaran di Facebook, antara aktiviti yang dikesan melibatkan penjualan makanan, minuman serta pakaian yang dikendalikan sepenuhnya oleh warga asing tanpa kelulusan sah dan melanggar Undang-Undang Kecil Pelesenan Penjaja (WPKL) 2016.

“Sebanyak sembilan aktiviti disita dalam operasi pada 31 Mac, diikuti 11 lagi dalam serbuan berikutnya di lokasi tumpuan pelancong seperti KLCC dan Bukit Bintang, dan lapan lagi dalam tindakan terbaru sekitar Jalan Tun Tan Siew Sin dan Jalan Leboh Pudu.

“Kesemua barangan perniagaan yang dirampas telah dipindahkan ke Stor Sitaan DBKL di Jalan Lombong, Taman Miharja, Cheras untuk tujuan dokumentasi dan siasatan lanjut,” jelas DBKL.

Dalam masa yang sama, DBKL turut menjalankan pemantauan statik secara berterusan dengan kehadiran anggota penguat kuasa serta wakil dari Jabatan Imigresen bagi membanteras operasi tanpa lesen, terutamanya yang dikendalikan oleh bukan warganegara.

“Kami tidak akan berkompromi. Setiap inci kota ini harus bebas daripadaw aktiviti haram yang menjejaskan ekonomi tempatan dan keselamatan awam,” tegas DBKL.

DBKL menyeru orang ramai yang mempunyai maklumat berkenaan aktiviti penjaja tanpa lesen agar melaporkan menerusi pautan aduan rasmi <https://adukl.dbkl.gov.my>. 

Taman Beringin berwajah baharu

LORONG belakang di Taman Beringin, Jinjang yang sebelum ini suram kini berwajah baharu apabila dihiasi dengan mural pelbagai warna.

Ia menjadikan tarikan baharu bagi pengunjung yang gemar bergambar dan merakam kandungan digital.

Inisiatif dikenali sebagai Beringin Street Art itu merupakan sebahagian daripada usaha Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dalam memperindah kawasan bandar raya.

Perkara itu selaras dengan komitmen menjadikan Kuala Lumpur sebagai bandar yang lebih indah, selesa dan mesra komuniti.

Menerusi hantaran di laman Facebook, lorong belakang yang dahulunya sering dikaitkan dengan masalah kebersihan, kini dihiasi dengan lukisan mural yang menggabungkan elemen feminin dan *urban*, menjadikannya lebih ceria dan menarik.

“Projek pengindahan itu melibatkan kerjasama strategik antara agensi kerajaan, komuniti setempat serta artis mural tempatan, dalam usaha meningkatkan kualiti persekitaran dan memperkukuh jati diri warga bandar.

“Setiap ruang dinding digunakan sepenuhnya sebagai kanvas seni, sekali gus menukar landskap kawasan ini menjadi lokasi tumpuan baharu untuk aktiviti fotografi, pelancongan dan komuniti,” menurut DBKL.

Inisiatif seperti ini turut dilaksanakan DBKL di beberapa kawasan lain termasuk Pekan Sungai Besi, sebagai pendekatan memperkasa identiti tempatan melalui seni dan warisan visual.

Orang ramai digalakkan mengunjungi Beringin Street Art dan memanfaatkan ruang ini untuk bergambar serta berkongsi di platform media sosial sebagai sokongan kepada inisiatif seni komuniti. 



ANTARA pengunjung yang bergambar di Beringin Street Art di Jinjang.

Peluang strategik potensi Wilayah Persekutuan

KUKUH PERANAN SERANTAU

AZLAN ZAMBRY

WILAYAH Persekutuan terus mengukuhkan peranannya di pentas serantau apabila tampil cemerlang dalam Malaysia Open House Exhibition @ ASEAN 2025.

Ia bersempena Mesyuarat Menteri Kewangan dan Gabenor Bank Pusat ASEAN (AFMGM) yang berlangsung di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan), **Datuk Seri Dr Zaliha Mustafa** berkata penyertaan Jabatan Wilayah Persekutuan (JWP) dalam pameran itu merupakan satu peluang strategik untuk mempersembahkan kekuatan budaya.

Ini katanya termasuk inovasi dan potensi belia dari ketiga-tiga wilayah Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan.

"Kita mahu dunia melihat Wilayah Persekutuan bukan hanya sebagai pusat pentadbiran, tetapi sebagai nadi diplomasi pintar yang menyatukan nilai budaya, kekuatan

ekonomi dan semangat belia," katanya.

Antara tarikan utama di reruai JWP ialah paparan visi C.H.A.S.E, produk-produk tempatan termasuk batik linut dari Labuan, serta penggunaan teknologi *Virtual Reality* (VR) yang membawa pengunjung merasai pengalaman 'lawatan maya' ke Wilayah Persekutuan.

Menurut Zaliha pendekatan ini mencerminkan kematangan Malaysia dalam diplomasi ekonomi dan budaya, selari dengan usaha kerajaan memperkukuh kedudukan negara di peringkat ASEAN.

"Diplomasi hari ini menuntut pendekatan yang lebih menyeluruh bukan sekadar rundingan meja, tetapi juga penyampaian naratif yang menggambarkan siapa kita, dari mana kita datang, dan ke mana kita mahu pergi," jelas beliau.

Pameran Malaysia Open House kali ini menampilkan tiga zon utama iaitu Zon Budaya Malaysia, Zon Kewangan & Ekonomi, serta

Zon Belia yang masing-masing membawa mesej kekuatan Malaysia sebagai sebuah negara yang berdaya saing, beridentiti dan berpandangan jauh.

Beliau turut menggalakkan masyarakat umum untuk mengunjungi reruai JWP dan melihat sendiri pencapaian serta potensi Wilayah Persekutuan yang kini semakin menyerlah di pentas serantau.

"Inilah wajah Malaysia yang kita banggakan iaitu moden, inklusif dan berakar kuat pada budayanya. Kita harus terus memperkukuh usaha seperti ini demi kesejahteraan rakyat dan pengaruh negara di peringkat global," tambahnya.

Malaysia Open House @ ASEAN 2025 dijangka menerima kehadiran ribuan pengunjung tempatan dan antarabangsa sepanjang berlangsungnya mesyuarat AFMGM, sekali gus membuka ruang kepada pertukaran idea dan kerjasama rentas sempadan yang lebih bermakna.



ZALIHA (kiri) melawat reruai pameran inovasi sempena Mesyuarat Menteri Kewangan dan Gabenor Bank Pusat ASEAN (AFMGM).

Perkasa bidang TVET

MENYAMBUT baik seruan kerajaan dalam menjadikan bidang Pendidikan Teknikal dan Latihan Vokasional (TVET) sebagai pilihan utama lepasan sekolah menengah, Yayasan Wilayah Persekutuan (YWP) komited mengadakan kerjasama dengan pelbagai pihak berkaitan.

Terbaharu, YWP menerima kunjungan hormat daripada Centre for Technology Excellence Sarawak (CENTEXS) dan CENTEXS Commercial dalam membuka lebih banyak peluang kepada belia, khususnya TVET.

Pengerusi Jawatankuasa Eksekutif YWP, **Dr Abdul Basir V. Kunhimohamed** berkata kunjungan hormat tersebut adalah bagi membincangkan peluang kerjasama dalam pembangunan kemahiran, pendidikan serta inisiatif komuniti.

"CENTEXS membuka ruang kepada pelajar-pelajar di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan untuk belajar di CENTEXS dengan mendapat tajaan penuh daripada pihak mereka dalam bidang TVET.

"Menerusi kerjasama ini juga, selepas tamat tempoh pembelajaran, para pelajar diberi jaminan penempatan kerjaya oleh pihak CENTEXS," katanya.

Mengulas lanjut, Abdul Basir berkata YWP merancang untuk membantu menguar-uar dan menyebarkan maklumat peluang keemasan buat mereka yang berminat untuk mengikuti kursus dalam bidang TVET.

"YWP sedia maklum bahawa TVET digariskan sebagai 'Meningkatkan



ABDUL BASIR (empat dari kanan) bersama kepimpinan YWP dan CENTEXS ketika pertemuan membincangkan hala tuju kerjasama.

Pembangunan Modal Insan untuk Negara Maju' yang bermatlamat menghasilkan modal insan berpengetahuan, berkemahiran dan sikap yang bersesuaian untuk berjaya dalam ekonomi global.

"Bagi pihak YWP, kami percaya setiap peluang untuk meningkatkan taraf hidup khususnya melalui pendidikan, jika tidak dibantu atau disokong akan menyukarkan perjalanan seseorang itu untuk mencapai kejayaan.

"Ini menunjukkan komitmen kami dalam memberikan peluang kepada warga Wilayah Persekutuan untuk mendapatkan pendidikan dan latihan yang berkualiti," katanya.

Jelasnya YWP melihat ini adalah satu peluang yang baik kepada warga Wilayah Persekutuan terutamanya dari golongan belia untuk memajukan diri dan

menguasai pasaran TVET yang semakin berkembang.

"Diharapkan perbincangan ini membuka lebih banyak peluang kerjasama yang memberi manfaat kepada masyarakat," katanya.

Terdahulu CENTEXS mengadakan kunjungan hormat ke Wisma YWP yang diketuai oleh Timbalan Pengarah Pentadbiran Am (CENTEXS Lundu) merangkap Ketua Pengurusan Perkongsian & Pembangunan Perniagaan, CENTEXS Kuching, Ruhazlina Syam Abdol Hazis.

Hadir sama Penolong Pengurus, Pengurusan Perkongsian & Pembangunan Perniagaan, CENTEXS Kuching, Muhammad Shahmi Marjuki dan Pengurus Kanan, Sumber Manusia & Pentadbiran CENTEXS Commercial, Kamarul Zaman Rasdi.

Bina kebun komuniti di PPR

DALAM usaha membawa perubahan positif kepada kehidupan harian penduduk, Universiti Malaya (UM) mengadakan perkongsian ilmu penanaman pokok di Program Perumahan Rakyat (PPR) Kampung Limau, Kuala Lumpur.

UM memaklumkan program tersebut menyasarkan golongan berpendapatan rendah (B40) bagi berkongsi ilmu berkenaan kepentingan pelaksanaan kebun komuniti di tengah bandar raya.

"Program yang berlangsung selama dua jam itu merupakan medan bagi penduduk mengetahui teknik yang sesuai bagi menguruskan sisa organik, seterusnya membangunkan kebun komuniti.

"Pendekatan ini juga sejajar dengan hasrat kerajaan memastikan program kebun komuniti dirancang di setiap PPR

dapat direalisasikan.

"Projek ini tidak hanya bertujuan mewujudkan kawasan hijau dalam persekitaran bandar, tetapi menggalakkan amalan berkebun yang mesra alam," katanya.

Menurut UM, penduduk PPR mengaplikasikan perkongsian ilmu ini melalui projek kebun komuniti yang telah dimulakan sejak Februari lalu.

"Ia dibangunkan dengan keluasan minimum iaitu 30 meter persegi dan penglibatan 14 orang peserta. Projek enam bulan ini mendapat bantuan Pusat Pembangunan Ungku Aziz, UM.

"Sebagai penyumbang dana utama, ia merupakan inisiatif hijau yang menjadi pencetus dan harapan penduduk dalam mengamalkan gaya hidup lestari, meningkatkan kualiti hidup serta memupuk semangat kejiranan," katanya.



PENDUDUK menyediakan tapak semaian dengan baja kompos.

PELIHARA KEMURNIAN AIDILFITRI

KU SEMAN KU HUSSAIN

AKSI terloncat-loncat macam kanggaru semasa menerima duit raya menjadi fenomena pada Aidilfitri yang lalu.

Perlakuan tersebut menjadi ikutan dan muncul sebagai kandungan yang sohor kini di media sosial. Bukan sahaja dilakukan kanak-kanak atau remaja malah golongan yang lebih berusia yang sepatutnya menegur perbuatan itu.



PENULIS BEBAS

Sekalipun sesetengah pihak menganggapnya sebagai menambahkan keceriaan dalam menyambut Aidilfitri, walau bagaimanapun tetap mencetuskan kebingungan berleluasanya pelanggaran adab yang sepatutnya ketika menyambut hari yang mulia itu.

Dalam kalangan agamawan dan budayawan juga ada menegur perbuatan yang dianggap mencemarkan kemurnian Aidilfitri itu. Tetapi sepanjang hari raya pertama hingga ketiga, itulah kandungan yang menjadi tular di media sosial.

Dalam budaya Melayu, menerima atau memberi duit raya merupakan suatu acara yang penuh makna dan dilakukan dengan penuh adab. Itu adalah tanda kasih sayang, saling menghargai dan juga mempererat hubungan antara ahli keluarga yang jauh juga dekat, terutama kanak-kanak.

Sejak usia yang mentah lagi kanak-kanak diasuh supaya beradab ketika menerima duit raya yang diberikan oleh golongan yang lebih dewasa.

Mereka diasuh bersalam dan mengucapkan terima kasih dengan cara yang tertib. Adab itu menjadi sebahagian keperluan dalam menyambut Aidilfitri yang merupakan satu acara agama dan akrab dengan budaya.

Namun kalau kita melihat beberapa paparan yang tular di media sosial, terutama yang menampilkan orang terloncat-loncat ketika menerima duit raya, hal itu amat bertentangan dengan adab yang sewajarnya. Masa yang sama membayangkan satu demi satu kerosakan berlaku dalam masyarakat yang



BERADAB ketika menyambut Aidilfitri perlu dipupuk sejak kecil bukannya terikut-ikut dengan budaya luar.

bermula dengan perkara yang dianggap kecil.

Kita mesti sedar bahawa pada zaman digital yang serba canggih itu, media sosial menjadi bahagian yang tidak dapat dipisahkan dengan kehidupan masyarakat. Kemudahan mengakses platform seperti TikTok, Facebook, Instagram dan X membuat kita semakin terhubung dengan dunia luar.

Keadaan sedemikian seharusnya membuatkan kita lebih berhati-hati, mempunyai tapisan sendiri (*self censorship*) yang tinggi dengan semua yang dipaparkan di media sosial. Fenomena terloncat-loncat itu disumbangkan oleh kecanggihan teknologi yang mendukung media sosial.

Media sosial menjadi sarana yang sangat kuat dalam menyebarkan semua perkara – sama ada baik atau buruk. Lebih buruk lagi kandungan yang tersebar di media sosial cepat mempengaruhi cara berfikir dan perilaku seseorang, terutama yang bercanggah dengan nilai-nilai agama dan budaya.

Sekiranya kita pasif dan tidak berhati-hati, tentu mudah terperangkap dengan melakukan yang bertentangan dengan nilai-nilai yang kita anuti, contohnya terlompat-lompat ketika

menerima duit raya. Hal itu menjadi fenomena disebabkan aras kecaknaan terhadap adab berada pada tahap yang rendah.

Adab dan nilai budaya dalam menyambut Hari Raya Aidilfitri yang sepatutnya dijunjung tinggi telah dilupakan dalam kemelut kegembiraan yang melewati garis kewajaran. Menganggap perilaku terloncat-loncat itu sebagai tidak beradab bukan satu yang ekstrem.

Sebaliknya memperlihatkan masih terdapat golongan atau individu yang tidak larut dalam nilai yang bertentangan dengan susila – pada sudut agama dan juga budaya. Pandangan itu semestinya diraikan dengan mempertajamkan daya fikir terhadap keadaan sosial di sekitar kehidupan kita.

Adab dalam menerima duit raya pada Aidilfitri merangkumi nilai-nilai yang membawa maksud hormat, kesopanan dan kepatuhan terhadap adat dan agama. Tindakan yang bercanggah tidak boleh diterima atas alasan apa sekalipun. Lebih-lebih lagi alasan untuk bergembira.

Golongan yang berusia yang turut terpalit dengan perlakuan jelik itu telah memberikan teladan yang tidak elok kepada generasi yang lebih muda, terutama kanak-kanak. Sepatutnya mereka yang memberikan teladan baik dalam membina jiwa dan pemikiran golongan muda.

Apabila hal itu menjadi fenomena, ia mencetuskan perbincangan tentang nilai-nilai dan adab dalam setiap tindakan, serta mengingatkan akan pentingnya memelihara nilai-nilai luhur dalam menyambut hari raya.

Dengan adanya reaksi dan kefahaman yang mendalam terhadap gejala sosial yang berkembang, masyarakat dapat memahami peri pentingnya melestarikan nilai-nilai yang luhur.

Hari Raya Aidilfitri merupakan perayaan yang berkait dengan agama Islam, masa yang sama turut didukung oleh nilai budaya Melayu yang selari dengan Islam. Sebab itulah Aidilfitri dianggap satu acara keraian paling besar dalam budaya Melayu.

Dalam konteks Malaysia, Islam dan budaya Melayu adalah tunjang kepada sambutan Aidilfitri, menjadikannya sebagai acara perayaan yang kaya dengan tradisi dan adat resam. Tentulah amat bertentangan dengan aksi tidak manis yang sekali gus menjadi fenomena di media sosial sepanjang Aidilfitri.

Adab-adab yang membawa nilai luhur itu memainkan peranan penting dalam membentuk tingkah laku dan interaksi individu

pada acara yang melibatkan Aidilfitri.

Lihat sahaja daripada cara berpakaian hinggalah adab berinteraksi dengan orang yang lebih tua. Dilanjutkan lagi hingga semasa menikmati juadah, semuanya terangkum dengan nilai yang luhur.

Pakaian tradisi yang digayakan semasa Aidilfitri, seperti baju kurung bagi wanita dan baju Melayu bagi lelaki mencerminkan kesopanan dan keindahan yang dihargai dalam budaya Melayu.

Malah dalam budaya Melayu juga menghormati orang tua adalah suatu yang amat penting. Ahli masyarakat yang lebih muda memohon ampun dan restu daripada yang lebih tua sambil menerima duit raya. Amalan itu menyemai sifat merendah diri, berterima kasih dan menghormati yang lebih tua, selain rasa syukur dengan nikmat yang dikecapi.

Adab yang melingkari perayaan itu menjadi peringatan tentang nilai yang membentuk masyarakat Melayu dan menyumbang pada pembentukan generasi yang berakhlak. Melalui tradisi itulah inti pati Aidilfitri terus subur dan menyatukan rakyat yang berbilang kaum dan agama.

Oleh hal yang demikian, kelakuan jelik yang tular itu bukan suatu yang remeh. Itu perkara besar. Di situlah pentingnya kesedaran dan berhati-hati dengan pengaruh luar biasa media sosial yang mengikat kehidupan kita. Maka setiap dalam kalangan kita mesti bertekad tidak mudah larut dalam gelombang yang dicituskan oleh media sosial.

Buang jauh-jauh pemikiran yang terjajah, contohnya pantang ada sesuatu yang kononnya baharu terus menjadi ikutan. Itu adalah sifat bangsa yang berfikiran terjajah kerana mengikut secara melulu tanpa dihitung atau disukai-sukat baik dan buruknya.


Harapnya Aidilfitri yang akan datang tidak ada lagi sesuatu yang mencemarkan keindahan dan kemurnian perayaan itu. Ada pelbagai cara yang beradab untuk menunjukkan atau mencipta suasana yang meriah. Adalah menjadi tanggungjawab masing-masing untuk memadamkan kandungan yang mencemarkan Aidilfitri itu.

Sedar akan ketelanjuran adalah satu kemenangan. Maka jadilah golongan yang menang dengan berubah pada yang lebih baik.

SETIAP artikel penulis adalah pendapat peribadi, bukan pendirian Wilayahku.

RAGAM KOTA

MATOMATO



Sebarang maklumat berhubung Editorial Wilayahku, sila hubungi alamat tertera:
 Aras 9, Blok 1, Menara Seri Wilayah, Presint 2, 62100 Putrajaya.
 Tel: 03-8861 5260 | E-mail: editorialwilayahku@gmail.com



Bil 308 . 11 - 17 APRIL 2025

Rumah terbuka: Pilih sihat atau nafsu?

►►10-11

RAMAI TERLEPAS PANDANG SOAL KESIHATAN

DIANA AMIR & SABRINA SABRE

AIDILFITRI yang disambut setiap tahun, diraikan dengan penuh kegembiraan oleh ahli keluarga, sanak saudara dan rakan taulan yang mengambil peluang berkumpul bersama sambil menikmati pelbagai makanan lazat.

Dalam kegembiraan meraikan lebaran dan rumah terbuka Aidilfitri, ramai terlepas pandang keperluan menjaga kesihatan selepas berjaya berbuat demikian secara konsisten ketika menjalani ibadah puasa Ramadan.

Malah menurut Pakar Perunding Gastroenterologi dan Hepatologi Pusat Perubatan Sunway, Sunway City, **Dr Lim Sim Yee**, ada juga yang sukar menjaga diet dan mengamalkan gaya hidup sihat ketika Aidilfitri dan rumah terbuka dengan makan secara berlebihan kerana tidak mengamalkan '*Mindful Eating*'.

"Makan berlebihan ketika hari raya boleh membawa kepada penambahan berat badan terutama apabila lebih banyak kalori yang diambil daripada yang dibakar.

"Ini boleh mengakibatkan kesan jangka panjang kepada kesihatan seperti peningkatan risiko obesiti dan kondisi kesihatan berkaitan seperti kencing manis dan penyakit jantung.

"Makan terlalu banyak atau mengambil makanan tinggi lemak dan tinggi gula juga boleh membawa kepada masalah penghadaman seperti ketidakcergaan, kembung perut dan sembelit," katanya.

Justeru, Sim Yee menasihatkan orang ramai untuk memilih makanan yang lebih sihat seperti sajian panggang atau bakar berbanding bergoreng atau hidangan tinggi lemak.

Beliau turut mengingatkan semua supaya memilih makanan dengan protein tanpa lemak, bijirin penuh dan banyak sayur-sayuran, selain mengawal jumlah makanan dengan mengambil jumlah yang kecil bagi setiap sajian dan makan perlahan-lahan untuk mengelakkan makan berlebihan.

Beliau berkata menguruskan



SIM YEE



OBSITI DAN BERAT BADAN BERLEBIHAN

KLASIFIKASI BERAT BADAN

KLASIFIKASI	BMI (KG/M2)	RISIKO KESIHATAN
Normal	18.5-22.9	Masih boleh diterima
Berat berlebihan	23	Meningkat
Pra-Obes	23.0-27.4	Meningkat ketara
Obes I	27.5-34.9	Tinggi
Obes II	35.0-39.9	Sangat tinggi
Obes III	>40.00	Terlalu tinggi

JULAT BERAT BADAN MENGIKUT KETINGGIAN

KETINGGIAN	BERAT NORMAL	BERLEBIHAN	OBES
170sm	56-71kg	72-86kg	87kg ke atas
165sm	52-67kg	68-81kg	82kg
160sm	49-63kg	64-76kg	77kg
155sm	45-59kg	60-71kg	72kg
150sm	43-55kg	56-67kg	68kg

KADAR OBSITI DI ASIA TENGGARA

(% daripada populasi)

NEGARA	2016	2024	NAIK
1. Brunei	14.1	28.2	100%
2. MALAYSIA	15.6	19.7	26%
3. Thailand	10.0	11.6	16%
4. Singapura	6.1	10.6	73%
5. Filipina	6.4	9.3	45%
6. Indonesia	6.9	tiada data	-
7. Vietnam	2.1	1.7	turun 23%

pengambilan gula adalah satu cabaran ketika musim perayaan memandangkan banyak sajian, minuman dan pencuci mulut tradisional tinggi kandungan gula dan orang ramai dinasihatkan untuk memilih minuman air biasa atau minuman tanpa gula.

"Orang ramai perlu mengawal dan mengurangkan pengambilan makanan dan minuman yang mempunyai kandungan gula tinggi kerana kebanyakan hidangan yang disajikan dalam tempoh perayaan adalah manis, selain mengamalkan konsep suku-suku separuh.

"Kurangkan makanan seperti biskut, kek, coklat, gula-gula serta minuman manis, lebihkan pengambilan makanan segar, asli dan banyakkkan minum air kosong.

"Apa yang penting ialah pastikan makanan yang diambil adalah seimbang, sederhana dan pelbagai seperti konsep suku-suku separuh atau Pinggan Sihat Malaysia yang diperkenalkan oleh pihak kerajaan supaya makanan yang dipilih adalah seimbang mengikut kuantiti sewajarnya.

"Anda boleh cuba membuat minuman sendiri dengan mencampurkan air dengan buah-buahan dan herba. Buah-buahan segar boleh memenuhi keinginan kepada makanan manis tanpa penambahan gula.

"Selain itu, boleh juga cuba membuat pencuci mulut tradisional versi yang lebih sihat menggunakan

pemanis semula jadi seperti kurma, madu dan sirap maple, bukannya gula putih. Kurangkan amaun gula dalam resipi dan tambah lebih banyak bahan berserat tinggi seperti bijirin penuh atau buah," katanya.

Susulan kanak-kanak turut cenderung mengambil biskut dan snek perayaan, minum air berasaskan sirap dan bergas ketika menziarahi sanak saudara, Sim Yee berkata ibu bapa patut menjadi contoh yang baik dengan menjadi suri teladan kepada amalan pemakanan sihat dan membuat pilihan sihat dalam pengambilan makanan mereka.

"Ibu bapa sepatutnya meletakkan had pada berapa banyak makanan manis dan berkalori tinggi yang boleh diambil anak mereka semasa tempoh perayaan dan menggalakkan anak-anak berkongsi makanan dengan keluarga dan kawan-kawan daripada menikmatinya sendiri.

"Di samping itu, galakkan mereka untuk melakukan aktiviti fizikal seperti berjalan kaki atau menunggang basikal. Ini boleh membantu membakar kalori berlebihan dan tenaga serta mempromosi gaya hidup sihat," katanya.

PETUA SEDIA MAKANAN SIHAT

DALAM masa sama, beliau turut berkongsi petua untuk

menyediakan makanan tradisional yang lebih sihat dan memilih makanan lebih sihat antaranya sajian rendang menggunakan potongan daging kurang lemak seperti dada ayam atau daging tanpa lemak dan kurangkan santan.

"Orang ramai juga boleh memasukkan sayuran seperti cili belanga dan brokoli untuk meningkatkan kandungan nutrien.

"Bagi ayam masak merah, orang ramai boleh menggunakan dada ayam tanpa kulit berbanding paha yang lebih tinggi kandungan lemak dan kurangkan minyak.

"Masukkan lebih banyak sayur-sayuran seperti lobak dan bayam untuk meningkatkan kandungan zat dan pilih pengganti yang lebih sihat kepada garam dan gula dengan herba dan rempah untuk memberi rasa kepada sajian," katanya.

Sim Yee berkata kuah kacang boleh dibuat daripada mentega kacang semula jadi daripada mentega kacang diproses, yang mungkin mengandungi garam dan gula tambahan dan mengurangkan kandungan gula serta memasukkan bahan tinggi zat seperti halia dan bawang putih untuk menjadikannya lebih sihat.

"Sayur lodeh selalunya dibuat daripada pelbagai jenis sayur termasuk kekacang, terung dan kubis. Ia adalah hidangan rendah kalori, kaya nutrien, tinggi serat dan

antioksidan. Untuk menjadikan ia lebih sihat, kurangkan santan atau pilih versi rendah lemak.

“Bagi acar, iaitu sejenis sajian sayur jeruk yang biasanya dihidangkan sebagai sajian sampingan, ia rendah kalori, berserat tinggi dan kaya vitamin serta mineral. Untuk menjadikan acar lebih sihat, kurangkan penggunaan garam dan gula.

“Ketupat yang dibuat daripada beras pulut pula membekalkan tenaga untuk tubuh. Sajikan ia bersama makanan berasaskan sayur untuk menjadikan ia lebih sihat, sementara bagi lemak, gunakan santan rendah lemak,” katanya.

Beliau berkata Aidilfitri dirai dengan penuh ceria dan gembira, oleh itu, adalah penting untuk masyarakat mengamalkan gaya pemakanan dan hidup yang sihat supaya tidak menjejaskan kesihatan semasa dan selepas sambutan perayaan, bukan hanya terhadap diri sendiri malah orang lain juga.

“Selain mendisiplinkan diri untuk mengamalkan gaya hidup dan pemakanan sihat, kita juga boleh menggalakkan atau sediakan makanan dan minuman sihat atau seimbang kepada tetamu yang datang.

“Makan berdasarkan keperluan dan jangan terlalu mengikut nafsu, sentiasa ingat bahawa seimbang, sederhana dan pelbagai ialah kunci utama kepada kesihatan jangka masa panjang,” katanya. 11

Bersederhana ketika makan di bulan Syawal

KEMERIAHAN menyambut kedatangan Syawal tidak akan lengkap tanpa hidangan pelbagai juadah yang lazat dari kuih-muih sehingga aneka makanan berat seperti nasi tomato dan sebagainya dihidangkan.

Namun dalam kegembiraan meraikan lebaran dan rumah terbuka Aidilfitri, ramai yang terlepas pandang keperluan menjaga kesihatan selepas berjaya berbuat demikian secara konsisten ketika menjalani ibadah puasa Ramadan.

Tidak hairanlah jika terdapat di antara kita yang mengalami kenaikan badan mendadak selepas sambutan Hari Raya Aidilfitri sekali gus merosakkan segala manfaat kesihatan yang diperolehi daripada ibadah puasa pada bulan Ramadan.

Berkongsi dengan Wilayahku, bekas penghidap obesiti, **Nor Munirah Razman**, 37, berkata setiap kali tibanya lebaran, dia teruja menikmati apa sahaja hidangan memandangkan hanya setahun sekali meraiikannya.

“Tambahan pula hari raya ini sahaja yang kita dapat nikmati pelbagai juadah dengan memenuhi pelbagai jempunan

kenduri, majlis kesyukuran dan rumah terbuka sama ada dari sanak saudara mahupun kenalan terdekat,” katanya.

Nor Munirah turut mengakui dirinya kurang pendedahan mengenai bahaya obesiti membuatkan dia tidak pernah mengawal pemakanannya.

“Kalau dulu saya tak kisah bab makan kerana saya sendiri menghidap obesiti sejak berumur dua tahun sehingga remaja. Ketika itu, berat saya pernah mencecah 114 kilogram (kg).

“Kemudian saya nekad untuk turunkan berat badan setelah menghidap darah tinggi selain tidak tahan dicemoi oleh seorang pakcik yang menghina saya tidak cantik.

“Bukan hanya nak nampak lawa tetapi ketika obesiti, saya mudah mendapat penyakit selain hormon period juga tidak menentu. Perasaan saya ketika itu memang *down* namun saya kuatkan diri berdepan dengan situasi tersebut,” katanya.

Pada 2020 ketika berusia 32 tahun, dia mengamalkan diet secara kalori defisit setiap hari selain melakukan senaman sehingga berat terkininya turun kepada 76 kilogram.

“Saya serik hidup dengan masalah obesiti, kini setiap kali tibanya Syawal atau hari biasa, saya amalkan konsep suku-suku separuh dengan mengurangkan pengambilan karbohidrat, lemak dan manis dalam makanan serta minuman.

“Bukanlah saya tak makan ketupat, rendang dan sebagainya tetapi berpada-pada, lebihkan minum air putih kerana ia boleh mengurangkan kalori serta mencernakan kembali pengambilan gula dalam badan.

“Nasihat saya terutama kepada yang sedang mengamalkan diet, lakukan senaman seperti berjalan kaki atau joging terutama selepas seharian menikmati hidangan hari raya,” katanya.

Berkongsi



kisah sama, **Muhammad Fadzly Yusre**, 25, berkata dia nekad menurunkan berat badan kerana sering dipinggirkan oleh rakan ketika berada di sekolah menengah.

“Dahulu berat saya pernah mencecah 95kg dengan ketinggian 157cm, saya rasa malu selain badan tidak produktif ditambah lagi ramai yang hina saya. Walaupun begitu, saya jadikan ia suntikan semangat untuk

turunkan berat badan.

“Dalam masa setahun, saya dapat kurangkan 30kg iaitu daripada 95kg kepada 65kg sekarang. Nasihat saya, lakukan diet untuk kesihatan bukannya untuk mendapat pujian orang,” jelasnya.

Muhamad Fadzly berkata dia turut mengamalkan sikap bersederhana dalam pemakanan terutama dalam bulan Syawal ini. 11

JUMLAH KALORI JUADAH POPULAR SEMASA LEBARAN



Nasi impit
8 kuib kecil
= 80 kcal



Lemang
Sepotong
= 100 kcal



Rendang tok
2 ketul daging
= 160 kcal



Kuah kacang
1 senduk
= 130 kcal



Ketupat palas
1 biji
= 130 kcal



Serunding daging
1 sudu makan
= 80 kcal



Kuih tart nenas
1 biji
= 50 kcal



Roti jala dan kuah kari
3 keping +
1 mangkuk
= 70-80 kcal



Lodeh
1 mangkuk
= 260 kcal



Laksa Sarawak
1 mangkuk
= 320 kcal



Kek lapis Sarawak
1 potong
= 50 kcal

SARANAN PENGAMBILAN KALORI HARIAN

Dewasa (tidak aktif)
1,500-2,000 kalori sehari
Had bagi setiap hidangan utama
±500 kalori



KAWAL KALORI, KEKAL SIHAT DI AIDILFITRI



★ Makan dalam kuantiti kecil



Pilih makanan rendah kalori, kurang minyak dan santan



Amalkan ‘suku suku separuh’



Hadkan makanan manis, berlemak dan masin



Pilih buah-buahan segar sebagai snek atau pencuci mulut



Minum air kosong berbanding air berkarbonat atau air manis



Lemang unik dari hutan, warisan periuk kera anak Ampang

SYUQQREE DAIN

SETIAP kali menjelang Syawal, aroma harum lemang menyemarakkan suasana Aidilfitri di seluruh pelosok negara. Namun, di Ampang, sepasang suami isteri berjaya mencuri tumpuan ramai dengan sajian lemang yang luar biasa iaitu lemang periuk kera. **Noor Ashraf Mashal Khan** bersama isterinya, Roziefa Abu Bakar yang berasal dan menetap di Ampang mencipta kelainan dengan menghasilkan lemang istimewa yang dimasak dalam kelongsong tumbuhan hutan unik bernama periuk kera.

Idea berniaga lemang bermula pada tahun 2008, setahun selepas mereka mendirikan rumah tangga. Tanpa kampung halaman untuk dikunjungi, Ashraf melihat musim perayaan sebagai peluang menjana pendapatan sampingan. Dua tahun kemudian, pasangan ini memperkenalkan lemang periuk kera sebagai produk utama dan sambutan amat memberangsangkan. Saiznya yang kecil dan aroma yang wangi menjadikan lemang ini bukan sahaja menarik perhatian, malah mencetuskan fenomena tersendiri.

Menurut Ashraf, keistimewaan produk mereka terletak pada kepala santan yang pekat dan harum, serta teknik pengukusan teliti yang memastikan pulut masak sempurna dan tidak lembik. Lemang ini bukan sekadar sedap, malah tampil lebih lembut, halus dan mudah dimakan. Semua kelongsong periuk kera diperoleh daripada Orang Asli di Pahang dan dipilih dengan teliti sebelum digunakan. Menariknya, tumbuhan ini akan terus tumbuh dengan

lebih banyak apabila sering dipetik.

Musim perayaan adalah waktu paling sibuk buat mereka. Seawal Subuh, Ashraf dan isteri akan memulakan rutin membersihkan kelongsong, merendam pulut dan menyediakan santan. Lemang dikukus selama beberapa jam sebelum siap dijual. Permintaan lemang periuk kera amat tinggi, malah menjelang malam terakhir Ramadan, lebih 120kg lemang disiapkan dan semuanya habis ditempah awal oleh pelanggan setia. Harga lemang periuk kera ini pula dijual sekitar RM20 hingga RM36 bergantung kepada saiz dan kuantiti.

Dengan usaha gigih dan semangat untuk terus memperkenalkan makanan tradisi yang unik ini, Ashraf menyimpan impian besar untuk menjadikan Lemang Periuk Kera Ampang sebagai produk eksklusif yang mewakili keistimewaan cita rasa Malaysia. Bagi pasangan ini, lemang bukan sekadar makanan raya malah ia lambang usaha, kreativiti dan warisan tempatan yang perlu dibanggakan. 





Senarai Harga	
Lemang & Rendang Asli Kelantan	
LEMANG BULUH	
SAIZ S	RM18.00
SAIZ M	RM22.00
SAIZ L	RM26.00
LEMANG PERUK REKA	
1KG	RM 35.00
RENDANG DAGING 150GM	
	RM 12.00
RENDANG AYAM 1 KETUL	
	RM 8.00
RENDANG AYAM 1 PKT	
	RM 10.00
RENDANG DAGING 1 PKT	
	RM 12.00
RENDANG 1 KAT	
	RM10.00

Elakkan perkara cemar kesucian Syawal

JANGAN JADI 'BATU API' NERAKA

PROFESOR MADYA DR MOHD ANUAR RAMLI

BERTEMU dan berpisah adalah adat kehidupan. Setiap pertemuan, pasti ada perpisahan disebabkan pelbagai faktor dan latar belakang.

Ada pertemuan yang membibitkan perpisahan yang baik dan sebaliknya terdapat juga perpisahan dalam keadaan yang tidak baik.

Bagi seorang Muslim yang beriman, kehadiran Ramadan merupakan detik yang dinanti-nantikan dan bakal dihargai dengan sebaiknya, manakala bagi segelintir Muslim yang lain, mereka tidak merasai nikmat kehadiran Ramadan sebagai bulan yang penuh dengan keberkatan, jadi mereka mensia-siakkannya.

Bagi golongan pertama, mereka mengisi sebulan Ramadan dengan amal ibadat seperti puasa, solat sunat dan tilawah Al-Quran di samping amal soleh seperti aktiviti kebajikan dan bersedekah.

Sedangkan golongan kedua tidak memanfaatkan ganjaran yang ditawarkan di bulan Ramadan. Jadi, golongan pertama mengharapkan sebuah penutup dan perpisahan yang baik (husn al-khawatim), iaitu mendapat keampunan Allah SWT, limpahan nikmat dan rahmat, kesan perubahan yang positif di samping amal ibadah diterima oleh Allah SWT.

Selari dengan itu juga, terdapat beberapa golongan dalam berhadapan dengan kedatangan Aidilfitri. Ada orang yang menyambut Aidilfitri dengan perasaan yang bercampur-campur, antara sedih dan gembira, ada yang sedih semata-mata, ada yang gembira sesungguhnya dan ada mereka yang tiada sebarang perasaan atau hambar.

Asasnya, Aidilfitri adalah sambutan hari kemenangan buat umat Islam dalam berjihad melawan hawa nafsu dan maksiat. Walaupun kehadirannya dalam tempoh yang terbatas selama sebulan, tetapi ia akan meninggalkan kesan mendalam terhadap kehidupan seorang Muslim sepanjang tahun.

Proses pentarbiahan selama sebulan meninggalkan pelbagai modul ibadat sunat dan amal soleh yang masih boleh diteruskan melainkan ibadat yang hanya dikhususkan dalam bulan Ramadan.

Umpamanya solat sunat masih boleh diteruskan, puasa sunat boleh diamalkan dan amal soleh seperti sedekah dan menjamu orang makan boleh dilakukan secara konsisten kerana orang fakir dan miskin masih lagi wujud di luar bulan Ramadan.

Seorang Muslim pastinya mempunyai perasaan berbau antara suka dan sedih dengan kedatangan Aidilfitri. Mereka gembira dengan kejayaan menahan lapar dan dahaga serta desakan nafsu syahwat selama sebulan, di samping mereka berasa sedih kerana bulan yang menjanjikan 1,001 ganjaran pahala bagi setiap amal ibadat dan amal soleh telah pergi.

Mereka berharap agar dapat menjadi tetamu Ramadan lagi di tahun mendatang. Dalam pada itu, terdapat mereka yang benar-benar gembira dengan pemergian Ramadan seolah-olah hilangnya bebanan dalam berhadapan dengan kesukaran makan dan minum di siang hari.

Golongan yang lain pula tiada

perasaan kerana bagi mereka kehadiran Aidilfitri tiada makna signifikan sama ada disebabkan dosa dan maksiat yang berterusan di bulan puasa ataupun mereka mengalami trauma di sebalik peristiwa tragis atau kehilangan insan tersayang.

Dalam menyambut kehadiran Aidilfitri, Rasulullah SAW telah menggariskan beberapa amalan sunnah yang boleh diamalkan oleh umat Islam, di antaranya adalah mandi sunat Aidilfitri, memakai pakaian yang terbaik, solat sunat Aidilfitri, saling mengucapkan tahniah, bermaafan-maafan dan ziarah-menziarahi.

Bagi masyarakat Islam khususnya di Malaysia, kehadiran Syawal di sambut dengan meriah. Di samping pensyariatan amalan sunat tersebut, mereka meraikannya dengan tradisi yang baik seperti mudik ke kampung halaman, menyediakan juadah perayaan seperti makanan ketupat, lempang dan rendang serta kuih-muih, berpakaian serba baharu dan mengadakan rumah terbuka dalam tempoh sebulan Syawal.

Namun begitu, terdapat juga beberapa amalan yang buruk yang perlu

dihindarkan atau ditinggalkan terutamanya ketika menyambut Syawal agar proses kembali kepada fitrah yang suci tidak dicemari dengan kekotoran noda dosa dan maksiat.

Di antaranya adalah, pertama, tidak menormalisasikan perkara maksiat dan dosa. Ia termasuklah berkhawatir bersama pasangan bukan mahram, pergaulan bebas atau ikhtilat, bersalaman dengan bukan mahram, hiburan melampau dan berpakaian yang tidak sopan atau mendedahkan aurat. Perkara ini mencemarkan kesucian bulan Syawal.

Kedua, tidak melakukan pembaziran dan berlebihan. Umpamanya menyediakan juadah raya secara berlebihan hingga dibuang, berbelanja melebihi kemampuan kewangan sehingga berhutang, membakar mercun dan bunga api secara melampau dan seumpamanya. Perbuatan ini perlu ditinggalkan.

Ketiga, tidak menormalisasikan budaya toksik ketika meraikan Aidilfitri. Ia termasuklah berkomunikasi secara negatif dengan memilih topik-topik sensitif seperti isu berkaitan pekerjaan,

perkahwinan, anak dan keluarga dan seumpamanya.

Topik ini bersifat peribadi dan bagi mereka yang tidak mempunyai hubungan yang akrab boleh menimbulkan ketidakselesaan kepada pihak-pihak.

Berbuallah secara berhemah dengan topik yang sesuai agar tiada yang terkecil hati. Situasi mungkin berbeza di antara pertanyaan yang bertujuan untuk mengambil berat atau sekadar sinikal atau sindiran.

Jika kita tidak mampu menambah kegembiraan dalam kehidupan orang lain, jangan menyapu garam pada luka sedia ada. Begitu juga, tidak melakukan perbandingan di antara satu sama lain. Setiap orang mempunyai perjuangan hidup yang tersendiri dan mereka melalui pelbagai pengalaman suka dan duka.

Jika kita tidak mampu menghidupkan jiwa orang, janganlah membunuh mereka dengan lidah kita. Di samping itu, jangan perburukkan citra hubungan antara suami isteri, mentua menantu, ipar-duai dan jiran tetangga. Jika kita tidak mampu membawa agenda keharmonian dan perdamaian, jangan musnahkan hubungan pihak lain yang terbina dengan baik.

Sehubungan dengan itu, janganlah jadi batu api neraka di musim perayaan dengan mulut puaka dan longkang kerana ia mencemarkan kesucian Syawal.

Semua budaya toksik dan buruk ini bertentangan dengan semangat sambutan Aidilfitri sebagai hari kemenangan.

Jangan biarkan kejayaan menahan lapar dan dahaga selama sebulan ditewaskan dengan satu hari raya sahaja. Sedangkan Rasulullah SAW telah memberikan khabar gembira kepada umat Islam dalam hadis baginda, maknanya: "Solat lima waktu, hari Jumaat ke Jumaat (berikutnya) dan Ramadan ke Ramadan (berikutnya) akan menghapuskan (dosa-dosa) di antara tempoh tersebut sekiranya (seseorang itu) menjauhi dosa-dosa besar". (HR Muslim).

Berdasarkan hadis tersebut, Allah SWT menjanjikan keampunan dalam tempoh setahun, iaitu dari bulan Ramadan hingga Ramadan berikutnya kepada umat Islam yang taat dalam amal ibadat dan amal soleh.

Justeru, Aidilfitri perlu disambut dengan penuh bermakna dan selari dengan slogan kembali kepada fitrah, iaitu suci dari dosa.

Ini disebabkan ia adalah hasil yang dituai selepas sebulan berjuang menahan lapar dan dahaga, mengekang nafsu syahwat di samping peningkatan pelbagai amal ibadat dan amal soleh sepanjang Ramadan.

Ia juga menjadi petunjuk bahawa ibadah diterima atau ditolak atau sekadar mendapat rasa lapar dan dahaga semata-mata.

Dengan itu, jangan biarkan sambutan Aidilfitri dicemari dengan perkara mungkar dan maksiat. Sampai ketemu lagi Ramadan di tahun-tahun akan datang.

SETIAP artikel penulis adalah pendapat peribadi, bukan pendirian Wilayahku.





TINJAUAN BELANJAWAN DBKL 2026

13 FEBRUARI - 12 APRIL 2025

PERUMAHAN

KEHIJAUAN

MOBILITI

**INFRA
STRUKTUR**

**KESIHATAN
&
PEMBERSIHAN**

**PENGURUSAN
TRAFIK**

**PENJAJA
&
PENIAGA
KECIL**



[HTTPS://WWW.DBKL.GOV.MY/BELANJAWAN](https://www.dbkl.gov.my/belanjawan)
KONGSI CADANGAN DAN IDEA ANDA



dewanbandarayakualalumpur



dbkltv



dbkl.tt



dbkl2u



DBKL2U

Karyabhara turut ikut trend semasa pelanggan

DULU JUAL KUIH DALAM BAKUL, KINI PENGUSAHA KAFE

AINI MAWAWI

BUKAN senang untuk jadi senang dan bukan susah untuk jadi susah. Itu ungkapan yang tepat bagi menggambarkan perjalanan turun naik usahawan, **Jumaitul Laily Zakiah** dalam industri makanan dan minuman (F&B).

Berkongsi kisah untuk dijadikan inspirasi bagi golongan muda, pengusaha Karyabhara The Hipster Cafe yang terletak di Wangsa Delima, Wangsa Maju ini berkata seawal usia 18 tahun dia telah menceburkan diri dalam bidang perniagaan.

"Kali pertama saya mula berniaga setelah tamat Sijil Pelajaran Malaysia (SPM). Waktu itu saya jual kuih-muih. Setiap hari selepas solat Zuhur, saya mula membuat kuih bersama pembantu dan selepas Asar, saya akan keluar membawa sebakul kuih ke sekitar Putrajaya.

"Alhamdulillah berkat kesungguhan, akhirnya pelanggan mula mengenali dan mereka minta untuk saya jual kek coklat pula. Dari situ saya giat lagi belajar membuat kek daripada mama selain turut mengikuti kelas masakan," katanya dengan kek yang diusahakan ketika itu diberi nama Kek Cokelat Sedapnya oleh ibu dan bapanya.

Kongsi Jumaitul kepada Wilayahku, tidak pernah sesekali terlintas di dalam fikirannya ketika itu rasa malu menjual kuih malah dia bersyukur dengan sambutan yang diterima hasil air tangannya.

"Kejayaan yang bermula dari bawah akan lebih

bermakna daripada kejayaan yang datang bergolek tanpa usaha gigih kerana kesusahan itu mengajar kita untuk menjadi kuat dan bertahan dengan cabaran mendatang.

"Selepas tamat pengajian dalam Sarjana Muda Seni Kreativiti Multimedia di Universiti Limkokwing pada 2014, saya mula menceburkan diri sepenuh masa dalam perniagaan F&B. Itulah detik permulaannya. Perniagaan ini adalah perniagaan keluarga yang diberi nama Karyabhara The Hipster Cafe.

"Ia sudah menjadi sinonim dalam keluarga sebab mama dan papa dulu pun membesar dengan dunia F&B. Uniknyanya Karyabhara ini kami usahakan bersama. Dalam kesibukan kami, masa berkualiti dengan keluarga tetap ada, itu yang kedua ibu bapa didik supaya kami adik-beradik ini kuat dan sentiasa ada antara satu sama lain.

"Namun tidak dinafikan banyak cabaran dalam dunia F&B ini contohnya, dari segi kualiti makanan sebab kita nak jamu orang makan. Kalau tak sedap itu ia adalah tanggungjawab kita kerana jika sesuatu berlaku pada pelanggan, kita akan hadapi masalah.

"Keduanya cara kita berurusan dengan pelanggan. Kalau sekali orang datang, kita mesti pastikan mereka akan ulang datang untuk waktu seterusnya. Biasanya pelanggan akan komen, Karyabhara ini adalah rumah kedua mereka," katanya.



RUANG kafe Karyabhara yang luas dan selesa.

Jelasnya antara kesukaran yang biasanya dihadapi dalam perniagaan F&B adalah dari segi pemilihan lokasi, tempat parkir dan peralatan yang lengkap.

"Dalam perniagaan ini, kena ada macam-macam supaya pelanggan tak bosan. Memang kena ikut *vibes* dan lokasi supaya kita seiring dengan peniaga yang lain. Lagi-lagi zaman sekarang perlu ikut trending, apa yang *viral* jika baik, kita cuba," katanya selain menu masakan Melayu, Karyabhara menawarkan menu Bekpes Mur Mur dan bakar-bakar.

Berkongsi lanjut, Jumaitul berkata dia turut tidak terlepas dengan taktik kotor mereka yang tidak berpuas hati terhadap perniagaan yang diusahakan.

"Namun saya berpegang kepada satu perkara bahawa apa pun bergantung pada niat dan percaya pada rezeki dari Allah. Kita usaha cara yang mana terbaik.

"Sehingga kini saya sentiasa berpegang kepada tip yang dikongsi oleh ibu bapa saya iaitu perniagaan ini kena fokus dan istiqamah. Bila kita fokus, kita akan jadi *multitask*, pelbagai perkara boleh buat dengan *target* kita. Insya-Allah akan berpuas hati dengan keberhasilannya," katanya.

Dia turut berharap satu hari nanti Karyabhara akan berdiri dengan megahnya di lokasi khas yang terdiri daripada pelbagai kemudahan seperti tempat parkir yang luas lengkap dengan dewan untuk acara seperti perkahwinan dan sebagainya selain berkembang maju di seluruh Malaysia. 



Tembusi pasar raya besar

DI pasaran hari ini terdapat pelbagai pilihan jenama produk pencuci dan pelembut pakaian sama ada produk luar negara mahupun keluaran tempatan yang berlumba-lumba untuk mendapat tempat di hati pelanggan.

Biarpun persaingan tersebut agak mencabar namun ia tidak sesekali mematahkan semangat Ketua Pegawai Operasi Biofitrah (M) Sdn Bhd, **Aman Rasyidi Mohd Noor** yang komited untuk mengembangkan produk pencuci dan pelembut pakaian di bawah label, PowerRein dan SoftRein.

Bercerita lanjut tentang perjalanannya dalam bidang perniagaan, Aman berkata penghasilan produk tersebut tercetus kira-kira enam tahun lalu ketika dia terlibat dalam

perniagaan dobi layan diri.

"Waktu itu agak sukar untuk saya mendapatkan sabun yang berkualiti, kadang-kadang pelanggan mengadu sabun tak wangi, kurang berbau dan sebagainya, dari situ saya terfikir untuk hasilkan sabun sendiri yang diberi nama SoftRein di mana Soft membawa maksud lembut sementara Rein pula diambil daripada perkataan Jerman iaitu suci.

"Saya belajar dan buat penyelidikan dan pembangunan (R&D) sehinggalah berjaya menghasilkan dua rangkaian produk pencuci dan pelembut tersebut.

"Pada awalnya, saya hanya menggunakannya di dobi sendiri tetapi dalam masa sama terdapat permintaan dobi sekitar. Alhamdulillah dalam tempoh empat tahun ia semakin mendapat permintaan sekali gus saya turut membekalkan produk tersebut ke seluruh Malaysia," katanya kepada Wilayahku.

Katanya sehingga ke hari ini produk pencuci dan pewangi yang dihasilkan tersebut dijual melalui platform media sosial dan e-dagang dengan permintaan yang amat menggalakkan.

Ini membuatnya mengambil keputusan

untuk menembusi rangkaian peruncitan pasar raya besar tidak lama lagi.

"Saya ambil keputusan untuk masuk ke dalam rangkaian pasar raya besar kerana kami mempunyai pelanggan tersendiri dan hampir setiap ketika ada sahaja yang bertanya dan berharap agar ia dijual di pasar raya.

"Walau bagaimanapun saya akui untuk berada di tahap ini dan menyenaraikan produk kita di pasaran besar bukanlah mudah, sesiapa sahaja akan berkorban dari segi tenaga, wang ringgit dan sebagainya namun saya akan buktikan anak tempatan mampu berjaya walaupun bermula dari bawah," katanya.

Aman juga yakin produk yang dihasilkan mampu menjadi salah satu produk pilihan setanding dengan yang ada di luar sana kerana formula yang digunakan melalui ujian SIRIM selain jaminan seperti antibakteria dan sebagainya yang diuar-uarkan kepada pengguna benar-benar wujud.

"Dalam masa sama, kita juga memastikan produk mempunyai sijil halal Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) kerana elemen ini adalah amat penting yang perlu dititikberatkan dalam berniaga," katanya. 



LAMBANG PENYATUAN RAKYAT MALAYSIA

ZULKIFLI SULONG

NEGARA dikejutkan dengan letupan paip gas di Putra Height, Selangor. Ini kerana ia jarang berlaku dan melibatkan kemusnahan besar namun alhamdulillah tiada kemalangan jiwa berlaku.

Pada hari kejadian pihak Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) mengesahkan 112 mangsa dan 49 rumah terjejas dan banyak kenderaan yang musnah.

Selain kerajaan, pelbagai pihak tampil ke depan membantu mangsa.

Selepas kerajaan mengumumkan bantuan awal RM5,000 setiap keluarga yang terjejas, pelbagai pihak tampil memberikan sumbangan.

Yang paling ketara adalah peranan rumah ibadat termasuk masjid dan juga kuil Hindu berhampiran. Kedua-dua institusi agama ini membuka pintu mereka seluas-luasnya menerima mangsa untuk berlindung sementara.

Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan yang juga Ahli Parlimen Kota Raja, Datuk Seri Mohamad Sabu; Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Aiman Athirah Sabu dan Ahli Parlimen Puchong, Yeo Bee Yin antara pemimpin politik yang terlibat secara langsung membantu mangsa tragedi ini.

Ini termasuk Exco Pembangunan Wanita dan Kebajikan Masyarakat Selangor yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Taman Templer, Anfaal Saari serta ADUN Seri Serdang, Abbas Salimmi Che Adzmi@Azmi.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim dan Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Amirudin Shari sudah tentu yang paling sibuk menguruskan tragedi ini.

Alhamdulillah hampir kesemua mereka menjalankan tugas dengan baik membantu meringankan beban mangsa. Ini adalah lambang penyatuan rakyat Malaysia. Selain mereka, ada senarai panjang tentang pihak yang memberikan sumbangan segera kepada mangsa sebagaimana senarai yang dicatatkan oleh Mohd Fuad Anwar (senarai bantuan yang diberikan).

Yang belum termasuk dalam senarai Mohd Fuad adalah bantuan 55 buah motosikal yang diusahakan Menteri Pengangkutan, Anthony Loke.

Seramai 55 mangsa itu menerima motosikal secara 'one-off' daripada syarikat Spanco. Penerima yang kebanyakannya dari Kampung Kuala Sungai Baru mendapat 'pemilikan penuh' motosikal itu tanpa perlu membayar kos insurans untuk tahun pertama, nombor pendaftaran dan cukai jalan.

"Memang tak dapat cari motosikal untuk disewakan, maka kami terus dapatkan penajaan.

"Mereka tak perlu bayar apa-apa," katanya selepas majlis penyerahan motosikal kepada mangsa letupan paip gas di Stesen LRT Putra Heights.

Untuk panduan kita, saya siarkan kembali laporan Bernama kronologi penuh



JABATAN Bomba dan Penyelamat Malaysia memadam kebakaran susulan kejadian letupan paip gas di Putra Heights.

apa yang berlaku pada 1 April 2025 itu.

8.23 pagi

JBPM Selangor mengesahkan berlaku kejadian kebakaran saluran paip gas di Taman Puchong Perdana, Puchong, Selangor. Panggilan kecemasan diterima pada 8.23 pagi.

9.30 pagi

Operasi padam kebakaran terus dilakukan, api masih menjulang tinggi, video kemusnahan di kawasan sekitar, kebakaran rumah mula membanjiri laman sosial. Penduduk di perumahan berhampiran lokasi kebakaran dipindahkan.

10.35 pagi

25 mangsa terima rawatan awal daripada petugas Kementerian Kesihatan, lima daripadanya dihantar ke Hospital Serdang untuk rawatan lanjut.

10.57 pagi

Mangsa lain yang diselamatkan ditempatkan di kuil Sri Maha Kaliamman, Subang Jaya, berhampiran lokasi kejadian.

11 pagi

Beberapa lagi mangsa menerima rawatan awal serta dihantar ke Hospital Serdang, Putrajaya dan Cyberjaya.

11.06 pagi

Menteri Besar Selangor umum satu pusat pemindahan sementara (PPS) dibuka di Masjid Putra Heights.

11.14 pagi

Tenaga Nasional Berhad (TNB) maklumkan bekalan elektrik di kawasan sekitar Subang dan Putra Heights terjejas.

11.20 pagi

Laporan awal bomba sahkan kebakaran melibatkan kebocoran saluran paip gas sepanjang kira-kira 500 meter.

11.25 pagi

Petronas Gas Bhd sahkan kebakaran berlaku di saluran paip utamanya berhampiran Putra Heights.

Petronas Dagangan Bhd (PDB)

mengesahkan kejadian kebakaran tidak berlaku di mana-mana stesen minyak Petronas.

11.30 pagi

Gangguan bekalan elektrik di sekitar kawasan Subang Jaya pulih sepenuhnya.

11.54 pagi

Jabatan Alam Sekitar lakukan pemantauan kualiti udara di kawasan sekitar kejadian.

12.19 tengah hari

Masjid Al-Falah USJ 9 di Subang Jaya dibuka kepada mangsa terjejas untuk berlindung.

1 petang

78 anggota bomba dengan 22 aset, termasuk 10 jentera Fire Rescue Tender (FRT), empat unit Emergency Medical Rescue Services (EMRS), lima unit Water Tanker dan masing-masing satu unit Pasukan Khas Bahan Kimia Berbahaya (Hazmat), unit BA Tanker dan unit ALP berada di lokasi kejadian.

Seramai 82 mangsa diselamatkan.

1.05 petang

Laluan antara Seafeld dan Bandar Saujana Putra di Lebuhraya Elite ditutup kepada semua kenderaan.

1.25 petang

63 mangsa yang cedera akibat melecur dibawa ke Hospital Cyberjaya, Putrajaya dan Serdang. Empat injap utama di Dengkil, Puchong, Batu Tiga dan Meru dilaporkan ditutup bermula 11.48 pagi bagi melepaskan saki baki gas asli.

1.30 petang

Bomba sahkan 112 mangsa dan 49 rumah terjejas.

1.55 petang

Kebakaran semakin reda. Ketua Pengarah JBPM, Datuk Nor Hisham Mohammad berkata radius kebakaran juga berkurangan.

SETIAP artikel penulis adalah pendapat peribadi, bukan pendirian Wilayahku.



Tindakan pantas DBKL

PUJIAN kepada Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) kerana bertindak pantas tanpa bertangguh membersihkan kawasan Bazar Aidilfitri di Lorong Tuanku Abdul Rahman (TAR), Kuala Lumpur, pada hari terakhir bazar 31 Mac lalu.

Walaupun sudah berlalu, kawan-kawan Kedai Kopi rasa terpuji kerana usaha ini yang mencerminkan sikap prihatin DBKL. Sebanyak 8.8 tan sampah di bazar tersebut dibersihkan dengan kerjasama Alam Flora. Sebanyak 250 kilogram sisa sampah dikitar semula.

Tindakan pantas pembersihan dibuat bagi memastikan kawasan tersebut kekal bersih selepas tamatnya aktiviti perniagaan bazar. Maklum sahaja kawasan berkenaan jadi tumpuan ribuan pengunjung untuk

membeli-beli keperluan hari raya.

Kata orang, banyak ikan banyak garam, banyak orang banyak ragam. Begitu juga keadaan Bazar Aidilfitri yang dikunjungi orang ramai daripada pelbagai kelompok dengan pelbagai perangai.

Ada pengunjung menjaga kebersihan. Tetapi ada juga yang tidak peduli, membuang sampah atau kotoran sesuka hati di sana sini. Malah ada peniaga yang bersikap mengabaikan kebersihan persekitaran.

Kawan-kawan Kedai Kopi harap kita sama-sama jaga kebersihan sepanjang masa, bukan hanya pada musim perayaan.

Kebersihan adalah tanggungjawab bersama, tidak harus hanya diletakkan di bahu DBKL. Jadilah warga kota yang pembersih dan mengamalkan kebersihan.

Parkir hanya dua jam

HANYA dua jam! Ingat tempoh masa ini apabila meletak kenderaan di bahu jalan di Kuala Lumpur. Projek perintis peraturan parkir 'Petak 2 Jam' mula berkuat kuasa di ibu negara 7 April lalu. 'Petak 2 Jam' ialah petak letak kereta dengan had penggunaan maksimum sehingga dua jam sahaja. Untuk peringkat permulaan, projek perintis dilaksanakan di dua kawasan iaitu di Medan Tuanku dan Jalan Ipoh Kecil.

Menurut Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), peraturan tersebut akan diperluas ke kawasan lain di ibu kota secara berperingkat mulai Jun 2026. Pelaksanaannya selaras dengan Perintah Pengangkutan Jalan (Peruntukan Tempat Letak Kereta) Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur 2016.

Kawan-kawan Kedai Kopi sifatkan usaha DBKL menetapkan kadar minimum parkir dua jam ini sebagai tindakan proaktif memastikan kawasan parkir tidak dimonopoli oleh seseorang pemandu untuk waktu yang lama.

Sebaliknya ia memberi peluang kepada pemandu lain yang ingin meletakkan kenderaan berbuat demikian. Dalam suasana tempat parkir yang begitu terhad di ibu negara, tempoh dua jam akan membantu mengurangkan masalah ini.

Tentu pihak DBKL mempunyai mekanisme tertentu memastikan peraturan ini dipatuhi dengan memantau pemandu yang meletakkan kenderaan melebihi had ditetapkan. Pemandu wajar bekerjasama menurut masa maksimum dibenarkan.



PERDANA Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim menghadiri dan menyampaikan ucap tama dalam Persidangan Pelaburan ASEAN 2025.



MENTERI di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan), Datuk Seri Dr Zaliha Mustafa menghadiri Majlis Perasmian Malaysia Open House Exhibition @ ASEAN 2025 sempena Mesyuarat Menteri Kewangan dan Gabenor Bank Pusat ASEAN (AFMGM) yang berlangsung di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur, bersama Menteri Kewangan II, Datuk Seri Amir Hamzah Azizan.



MENTERI Pendidikan Tinggi, Datuk Seri Dr Zambry Abd Kadir menghadiri Sidang Kemuncak Pendidikan Tinggi Eurasia ke-10 (EURIE) 2025 yang diadakan di Istanbul, Turkiye.



MENTERI Pelaburan, Perdagangan dan Industri, Tengku Datuk Seri Zafrul Aziz menerima kunjungan hormat Duta Besar New Zealand ke Malaysia, Tuan Yang Terutama Michael Wehi Mailletonga Walsh di Menara MITI, Putrajaya baru-baru ini.



MENTERI Belia dan Sukan, Hannah Yeoh menerima kunjungan Duta Besar Jepun ke Malaysia, H.E. Noriyuki Shikata bagi membincangkan kerjasama antara Malaysia dan Jepun dalam memajukan pembangunan belia dan sukan.



MENTERI Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Nancy Shukri menyantuni 99 keluarga mangsa insiden letupan paip gas di Putra Heights yang ditempatkan di Pusat Pemindahan Sementara (PPS) Dewan Serbaguna, Masjid Putra Heights pada Isnin.





JAUHI JUDI DALAM TALIAN



JANGAN TERPEDAYA DENGAN JANJI
“WANG BESAR”

JUDI DALAM TALIAN ADALAH SALAH DI SISI UNDANG-UNDANG
MALAH BOLEH MENYEBABKAN AKAUN ANDA DIBEKUKAN



Suruhanjaya Komunikasi
dan Multimedia Malaysia



MCMC_RASMI



skmm_mcmc



MCMCTV

Miliki potensi dalam aspek pelancongan

PL PERGIAT PEMBANGUNAN INFRASTRUKTUR, EKONOMI

KHAIRUL IDIN

PERBADANAN Labuan (PL) akan terus mempergiat usaha membangunkan infrastruktur dan ekonomi Labuan bagi memastikan kesejahteraan dan kebajikan penduduk terus terbela.

Demikian ditegaskan Ketua Pegawai Eksekutif PL, **Mohd Sukuran Taib** sebagai komitmennya selepas genap 100 hari menerajui pihak berkuasa tempatan (PBT) itu.

Malah beliau menyuarakan hasrat mahu mencapai matlamat tersebut bagi memastikan kemakmuran dalam pelbagai aspek khususnya dari segi pembangunan ekonomi Labuan.

Mohd Sukuran berkata meskipun pihaknya berdepan jumlah peruntukan kemudahan infrastruktur yang terhad selain pengoperasian sektor minyak dan gas semakin berkurangan serta kekangan kemudahan hubungan pengangkutan yang terbatas, namun ia mampu diatasi dengan strategi yang tepat.

"Meskipun begitu, saya melihat Labuan memiliki potensi untuk berkembang khususnya sebagai



MOHD SUKURAN

pusat ekonomi dan pelancongan yang lebih dinamik dan lestari.

"Semuanya ini mampu ditingkatkan jika kita menggunakan strategi-strategi tepat yang telah dirancang," katanya dalam temu bual genap 100 hari menerajui PL di konti LabuanFM.

Mohd Sukuran menambah bahawa ketika ini PL mempunyai tiga pasukan khas yang ditubuhkan Menteri di

Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan), Datuk Seri Dr Zaliha Mustafa.

Katanya pasukan khas tersebut berfungsi untuk mengenal pasti, menganalisis dan mengambil langkah-langkah yang jitu agar jalan penyelesaian dapat diatasi.

"Dengan pasukan khas ini, isu-isu utama yang dihadapi di Labuan seperti kemudahan hubungan pengangkutan, bekalan air, elektrik serta sektor pelancongan dapat diatasi dengan pelbagai usaha secara konsisten," katanya.

Beliau memaklumkan pihaknya turut memberikan penekanan

terhadap pembangunan ekonomi dan sosial menerusi pelaksanaan Inisiatif Pendapatan Rakyat (IPR).

"Kita di peringkat PL juga sedang menyediakan rangka tindakan untuk menggariskan strategi-strategi yang lebih terperinci kepada kawasan-kawasan yang berpotensi untuk dijadikan sebagai kawasan pelancongan.

"Untuk makluman, Labuan juga bakal menyertai Malaysia Open House @ ASEAN sebagai usaha mempromosikan produk pelancongan menerusi teknologi AI dan VR di peringkat antarabangsa," katanya. 

LISC 2025 tarik penyertaan luar

LABUAN International Sea Challenge (LISC) 2025 yang dijadual berlangsung 24 hingga 27 Julai ini berjaya menarik penyertaan 2,500 orang, dari dalam dan luar negara.

Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Labuan (PL), **Mohd Sukuran Taib** berkata penyertaan luar termasuk dari Brunei, Filipina, Brazil, Poland, Singapura, Hong Kong dan Amerika Syarikat.

Katanya penganjuran LISC tahun ini menyediakan hadiah wang tunai keseluruhan berjumlah RM350,000.

"Acara memancing laut dalam merupakan tarikan utama LISC dengan 212 penyertaan, melepasi sasaran jumlah peserta yang disasarkan sebelum ini," katanya selepas mempengerusikan Jawatankuasa Induk LISC 2025 di Wisma Perbadanan, baru-baru ini.

Mohd Sukuran berkata pelancaran peserta memancing laut dalam bermula pada 22 April menuju ke lokasi memancing Pulau Layang-Layang di Kepulauan Spratly kira-kira 160 batu nautika dari Labuan.

"Hasil tangkapan akan dipamerkan kepada orang ramai pada 27 April dan hasil jualan tangkapan akan didermakan kepada badan-badan kebajikan yang ada di Labuan," katanya.

Tambahnya dua lagi acara

utama yang turut menjadi tarikan pengunjung tahun ini ialah Cabaran Berkayak Mengelilingi Pulau dan Regatta 2.0.

"Kedua-dua acara ini sering disertai oleh atlet kebangsaan dan Brunei dalam bidang sukan layar serta kayak bagi merebut hadiah yang ditawarkan selain menjadikan acara ini sebagai medan latihan bagi

persediaan atlet ke Sukan Malaysia (SUKMA).

"Bagi memeriahkan suasana LISC tahun ini sebanyak lapan acara sokongan akan diadakan dengan menampilkan pertandingan bola tampar pantai, kejohanan silat pantai, pertandingan tarik tali pantai, pertandingan lumba perahu dan sukan rakyat," katanya. 



GABPOBA kini memfokuskan kepada pembangunan belia di Labuan.

GABPOBA martabat peranan komuniti

PERSATUAN Gabungan Belia dan Beliawanis Kampung Pohon Batu (GABPOBA) berjaya melaksanakan empat program sepanjang Ramadan dan Syawal tahun ini sekali gus menjadi sebuah persatuan belia memartabatkan peranan komuniti.

Menurut Pengerusinya, **Mohd Hazwan Tamin**, penganjuran program berkenaan bertujuan mencapai matlamat dan keaktifan pertubuhan belia itu sendiri.

Katanya GABPOBA menjangkau usia 38 tahun dan akan terus mengorak langkah bukan sahaja memfokuskan kepada pembangunan belia malah penglibatan belia dalam aktiviti masyarakat.

"Kita juga memainkan peranan penting dalam pembangunan komuniti.

"Peranan belia juga harus diiktiraf atas sumbangan yang diberikan kerana pemimpin belia ketika ini bakal mewarisi kepimpinan negara pada masa depan,"

katanya.

Mohd Hazwan memberitahu pihaknya dengan sokongan ahli jawatankuasa akan merancang pelbagai program untuk pembangunan belia dan masyarakat setempat.

Tambah beliau program yang dilaksanakan tahun ini akan dijadikan program tahunan GABPOBA.

"GABPOBA akan terus menjalin kerjasama dengan agensi kerajaan, korporat dan swasta dalam penganjuran program," jelasnya.

Sementara itu, beliau turut menzahirkan penghargaan kepada Pengerusi JPKK Pohon Batu, Haryadi Omar atas kepercayaan menggalas tanggungjawab yang diberikan dalam setiap program yang diadakan.

Sehubungan itu, beliau berharap GABPOBA akan terus menjadi landasan melahirkan pelapis pemimpin dan berimpak positif di mata masyarakat setempat. 

Projek rintis sekolah bertingkat

KEMENTERIAN Pendidikan (KPM) mengumumkan projek rintis sekolah bertingkat akan dilaksanakan di Putrajaya, Pulau Pinang dan Kuala Lumpur, mulai tahun ini.

Menurut KPM, inisiatif dengan kerjasama rakan strategik korporat itu akan dilaksanakan bagi menangani isu kepadatan sekolah terutama di kawasan yang berkepadatan tinggi.

"Ia boleh mengurangkan kos projek dan pada masa sama, memastikan infrastruktur serta akses pendidikan terbaik dapat disediakan untuk murid," jelas KPM dalam kenyataan.

Februari lalu, media melaporkan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur

(DBKL) bercadang untuk membangunkan sekolah berkonsep menegak yang menempatkan bangunan dua blok dengan kapasiti antara 10 hingga 17 tingkat di sekitar pusat bandar raya.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan), Datuk Seri Dr Zaliha Mustafa berkata syor itu adalah bagi memenuhi keperluan tanah terhad dan pertambahan penduduk di ibu negara.

Zaliha memaklumkan cadangan berpandukan konsep diguna pakai beberapa negara maju itu akan dibincangkan bersama KPM bagi tujuan pelaksanaannya kelak.

Dalam pada itu KPM

memberitahu bahawa Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim mahu pihak kementerian memberi penekanan terhadap aspek latihan guru.

"Penekanan itu disuarakan Perdana Menteri ketika mempengerusikan mesyuarat bersama pengurusan tertinggi kementerian baru-baru ini.

"Guru adalah ejen perubahan yang mampu mengubah ekosistem pendidikan di sekolah," katanya.

Menurut kenyataan itu, antara perkara lain yang disentuh ialah inisiatif Sekolah Angkat membabitkan rakan strategik korporat, pendidikan digital dan kecerdasan buatan (AI).



ANWAR mempengerusikan mesyuarat bersama Kementerian Pendidikan baru-baru ini.

Platform kembangkan produk tempatan

TINGKAT MOTIVASI USAHAWAN

SABRINA SABRE

KEJAYAAN penganjur Bazar Aidilfitri Anjung Syawal baru-baru ini memberi kepuasan kepada penganjur kerana rata-rata peniaga memperoleh nilai jualan memberangsangkan.

Untuk itu Pengarah Urusan Raydiates Blue Sdn Bhd, **Rayme Zainal** komited untuk terus membantu golongan penjaja dan peniaga kecil agar menjadi antara penyumbang utama kepada pengukuhan dan kestabilan ekonomi negara.

Selaku penganjur katanya Raydiates Blue akan menyediakan platform berniaga kepada mana-mana usahawan agar dapat mengembangkan produk masing-masing.

"Kejayaan mereka bukan sahaja menyumbang kepada ekonomi tempatan, tetapi memberikan impak positif terhadap perniagaan mereka dan meningkat motivasi sebagai usahawan tempatan.

"Ia sangat memberi inspirasi untuk kami agar terus membantu mereka dengan menyediakan platform berniaga atau penganjur acara yang seumpama dengannya," katanya kepada Wilayahku.

Dalam masa sama, Rayme berkata pihaknya merancang untuk memperluaskan lagi platform untuk peniaga kecil melalui program seperti zon niaga eksklusif pada acara besar dan memperluaskan kerjasama dengan pihak berkuasa tempatan serta sektor korporat.

"Selain itu, kami bercadang untuk mencipta acara dengan kolaborasi bersama pemengaruh terkenal yang memfokuskan kepada produk tempatan seperti Global Halal Bites & Culture Festival atau Festival Sajian Halal Global & Budaya bagi memastikan peniaga



ORANG ramai penuh sesak mengunjungi Anjung Syawal setiap malam sepanjang Ramadan baru-baru ini.

kecil terus mendapat peluang untuk berkembang," katanya.

Beliau selaku penganjur yang dilantik Perbadanan Putrajaya (PPJ) melahirkan rasa terharu dengan kehadiran pengunjung yang begitu ramai terutamanya pada waktu malam sehingga memaksa pihaknya melanjutkan waktu operasi sehingga pukul 2 pagi berbanding jadual asal pada pukul 12 malam.

"Pada awalnya, kami menasaskan jualan mencecah RM10 juta merangkumi pelbagai produk dan segmen pasaran memandangkan bazar terbesar di Lembah Klang ini telah memasuki tahun ke-13 penganjurannya dan sentiasa mendapat sambutan hangat daripada orang ramai," katanya.

Rayme berkata sasaran tersebut

bertujuan membolehkan setiap lot niaga menjana jualan sehingga RM30,000 dan majoriti peniaga berjaya mendapatkan kembali modal sewaan tapak seawal minggu pertama Ramadan.

"Alhamdulillah, pihak Perbadanan Putrajaya memberikan kerjasama dan sokongan yang baik kepada Raydiates Blue sebagai penganjur Anjung Syawal.

"Selain membantu dalam urusan berkaitan pelesenan dan kelancaran acara, mereka turut membantu mempromosi Anjung Syawal untuk menarik ramai pengunjung.

"Kami berpuas hati terhadap sokongan dan kerjasama dari pihak Perbadanan Putrajaya dalam membantu Raydiates Blue menganjurkan Anjung Syawal dengan lebih baik," katanya.

Rayme turut melahirkan rasa bangga dengan sambutan luar biasa yang diterima dan menyifatkan Anjung Syawal bukan sahaja platform untuk peniaga kecil dan sederhana, tetapi juga simbol perpaduan dan kemeriahan budaya sempena Aidilfitri.

"Dengan pencapaian yang luar biasa ini, Anjung Syawal 2025 terus mengukuhkan reputasinya sebagai destinasi utama membeli-belah persiapan Syawal yang terbesar di Putrajaya dan Lembah Klang, selain memberikan pengalaman unik keindahan sambutan menjelang Aidilfitri, meningkatkan ekonomi negara termasuk menyokong

peniaga tempatan," katanya.

Terdahulu, Bazar Aidilfitri Anjung Syawal yang merupakan salah satu komponen utama Festival Ramadan Putrajaya (FRP) 2025 anjuran PPJ melakar kejayaan gemilang apabila menerima sambutan luar biasa daripada pengunjung yang tidak henti-henti membanjiri lokasi itu sejak 28 Februari lalu sehingga malam raya.

Bazar terbesar di Lembah Klang itu berjaya mencetus fenomena tersendiri dengan menawarkan pelbagai pilihan produk pada harga yang berpatutan sekali gus menarik lebih 1 juta pengunjung sepanjang 33 hari ia beroperasi.



Mampu beri kesan ketara kepada prestasi

RISIKO KECEDERAAN TANGAN

RAKYAT Malaysia, terutama atlet badminton dan sukan lain, perlu memberikan tumpuan kepada risiko kecederaan tangan dan pergelangan tangan disebabkan pergerakan berulang dan cengkaman yang kuat.

Isu tersebut ditegaskan Pakar Perunding Mikrosurgeri dan Tangan di Pusat Perubatan Sunway, **Dr T Ravindran** yang melihat kecederaan tersebut merangkumi 25 peratus daripada keseluruhan kecederaan berkaitan sukan.

Menurut beliau ia boleh memberi kesan ketara kepada prestasi, malah mampu menjejaskan kerjaya atlet jika tidak dirawat.

"Memandangkan semakin ramai rakyat Malaysia terlibat dalam aktiviti fizikal, langkah untuk menangani dan mencegah kecederaan berkenaan penting bagi memastikan kejayaan serta kesihatan jangka panjang atlet."

"Sukan seperti badminton, bola sepak, bola tampar dan skuasy yang banyak melibatkan cengkaman, pergerakan berpusing serta sentuhan berulang meletakkan pemain berisiko tinggi untuk mengalami kecederaan. "Bagi mencegah kerosakan jangka panjang, diagnosis awal, dapatkan rawatan yang betul dan langkah pencegahan seperti senaman kekuatan dan teknik yang betul. Ia adalah penting.

"Jika kesakitan berterusan lebih tiga minggu, atlet perlu mendapatkan rawatan perubatan," katanya.

Beliau berkata kecederaan tangan dan pergelangan tangan sering dialami mereka

yang aktif di Malaysia dan antara kecederaan paling lazim ialah terseliuh, patah tulang, ligamen terkoyak dan kecederaan tendon.

"Satu keadaan kerap berlaku ialah sindrom terowong carpal (CTS) yang berpunca daripada tekanan pada saraf median di pergelangan tangan.

"Kajian menunjukkan CTS menjejaskan antara 20 hingga 60 peratus rakyat Malaysia dan sering menyebabkan gejala seperti kesemutan, kebas dan lemah pada tangan," katanya.

Dalam masa sama, Ravindran juga menekankan satu lagi kebimbangan serius iaitu koyakan Triangular Fibrocartilage Complex sering berlaku dalam sukan yang melibatkan pergerakan pergelangan tangan berulang, seperti badminton dan bola keranjang.

"Jika tidak dirawat, kecederaan ini boleh menyebabkan kesakitan kronik, mengurangkan pergerakan dan komplikasi jangka panjang.

"Kecederaan ini boleh menjejaskan kekuatan cengkaman dan mengurangkan pergerakan. Bagi atlet profesional, kecederaan ini memberi kesan kepada kerjaya jika tidak dirawat dengan betul," katanya.

Beliau turut menekankan kepentingan diagnosis awal untuk mencegah kerosakan jangka panjang dan berpotensi mengelakkan keperluan untuk pembedahan.

"Rawatan bukan invasif seperti menggunakan splint dan fisioterapi dapat membantu pesakit pulih dalam tempoh beberapa minggu. Bagaimanapun, jika sakit



KECEDERAAN mampu menjejaskan kerjaya atlet jika tidak dirawat.

berterusan selama lebih tiga minggu, ia mungkin menandakan kecederaan lebih serius dan memerlukan perhatian pakar," katanya.

Ravindran berkata kemajuan dalam teknologi perubatan membolehkan rawatan dilakukan menerusi pembedahan invasif minimum yang mengurangkan tempoh pemulihan serta program khusus yang membantu atlet pulih dan kembali berlatih dalam tempoh tiga bulan.

"Ia berbeza daripada pembedahan secara tradisional yang memerlukan potongan luka

lebih besar dan tempoh berada di hospital lebih lama dengan proses pemulihan lazimnya memakan masa lebih tiga bulan.

"Tanpa mengira pendekatan rawatan, komitmen pesakit terhadap rehabilitasi kekal penting. Atlet yang tekun menjalani rutin fisioterapi sering memperoleh kekuatan penuh dan tahap prestasi serupa atau lebih baik daripada sebelum mengalami kecederaan," katanya yang turut menasihati atlet serta peminat aktiviti kecergasan untuk memasukkan senaman kekuatan dalam rutin mereka. 



RAVINDRAN

Skuad ragbi lelaki, wanita naib juara

SKUAD ragbi tujuh sebelah (7s) lelaki negara terlepas peluang mempertahankan kejuaraan pada Kejohanan Tujuh Sebelah Asia Tenggara (SEA 7s) 2025 selepas tunduk kepada Thailand 5-10 di Stadium Nasional, Singapura.

Pada pertembungan antara dua pasukan paling cemerlang di peringkat kumpulan tanpa kalah itu, skuad Bunga Raya 7s bimbingan Nik Safuan Ismade Nik Man akur dengan perbezaan satu try dihasilkan Muhammad Safiy Md Said berbalas dua try pasukan Thailand.

Malah Nik Safuan menegaskan bahawa skuad bimbingannya tewas dari sudut kecerdasan fizikal.

"Pasukan hanya menjalani latihan sebanyak 19 sesi pada Ramadan, berbanding Thailand yang telah memulakan persiapan sejak 2023 tanpa henti.

"Saya menganggap ini satu permulaan cukup baik bagi pasukan untuk menghadapi Sukan SEA hujung tahun nanti," katanya dalam kenyataan yang dikongsikan Kesatuan Ragbi Malaysia (KRM).

Dalam pada itu, skuad Bunga



SKUAD Bunga Raya wanita muncul naib juara Ragbi SEA 7s.

Raya 7s wanita negara turut terlepas peluang mencipta sejarah baharu meraih kejuaraan sulung kejohanan itu selepas tewas kepada tuan rumah Singapura 5-12.

Pada 4 April lalu, skuad 7s wanita negara mencipta sejarah tersendiri apabila mara ke final buat kali pertama selepas enam edisi kejohanan tersebut apabila

mengejutkan juara bertahan Thailand 17-12.

"Untuk perlawanan akhir, kecergasan pihak lawan lebih menyerlah.

"Masih banyak yang perlu diperbaiki untuk masa hadapan," kata Ketua Jurulatih Bunga Raya 7s Wanita, Muhammad Faiz Samsukhidir. 

Pemain skuasy negara berentap

SEMBILAN wakil negara bakal berentap dalam kelayakan Kejohanan Skuasy Dunia (WCQ) 2025 bagi Zon Asia yang akan diadakan di Kompleks Skuasy Universiti Malaya dari 17 hingga 20 April ini.

Mereka antara 32 pemain dari seluruh Asia bersaing menempatkan diri ke kejohanan dunia, bulan depan.

Menurut penganjur, Ace Sports and Management, kontinjen Malaysia diwakili enam pemain lelaki iaitu Sanjay Jeeva, Addeen Idrakie, Ameeshenraj Chandaran, Bryan Tze Kang Lim, Mohammad Syafiq Kamal dan Darren Pragasam.

Tiga atlet wanita pula adalah Yasshmita Jadishkumar, Yu Jie Chen dan Goh Zhi Xuan.

"Mereka bakal berentap dengan pemain skuasy terbaik Asia seperti Muhammad Asim Khan dan Noor Zaman dari

Pakistan, Veer Chotrani (India) dan Matthew Lai serta Chi Him Wong dari Hong Kong dalam kategori lelaki.

"Dalam kategori wanita, pemain utama Asia yang akan beraksi antaranya Nga Ching Cheng dan Toby Tse dari Hong Kong, Akanksha Salunkhe dan Anahat Singh (India), Jemyca Aribado dari Filipina dan wakil Jepun, Akari Midorikawa," jelasnya dalam kenyataan.

Kejohanan Skuasy Dunia 2025 dijadual berlangsung di Chicago, Amerika Syarikat dari 9 hingga 17 Mei.

Dalam pada itu, menyusuli WCQ Zon Asia ialah Kejohanan Satelit Persekutuan Skuasy Dunia (WSF) Persatuan Skuasy Profesional (PSA) ACE 1 yang diadakan di venue sama dari 21 hingga 24 April.

Kejohanan ini memberi peluang kepada pemain untuk memperoleh mata ranking PSA dan pendedahan antarabangsa. 

JOM RAYA RAIH LEBIH SEJUTA TONTONAN

SERIMAH SALLEHUDDIN

PERCUBAAN Daiyan Trisha menghasilkan lagu raya pertamanya berjudul Jom Raya ternyata membuahkan hasil apabila lagu itu mendapat lebih sejuta tontonan dalam tempoh sebulan dilancarkan.

Tidak menyandarkan apa-apa harapan tatkala melancarkan lagu itu, penyanyi yang turut bertindak selaku komposer dan penulis lirik lagu itu berkata niatnya hanya mahu peminat menikmati melodi lagu yang santai dan 'catchy'.

Namun dia tidak menyangka apabila lagu yang turut menampilkan Alfie Zumi itu mendapat penerimaan baik pendengar.

"Saya berterima kasih kepada semua yang telah menyokong lagu Jom Raya sehingga mendapat sambutan yang sangat menggalakkan.

"Jujurnya saya hanya ingin pendengar menikmati dan berseronok dengan konsep lagu itu, kerana tema lagu Jom Raya lebih kepada manis dan comel.

"Saya gunakan bahasa santai atau 'pick up line' yang sering digunakan di media sosial, kerana bagi saya ia menarik untuk dijadikan sebuah karya dengan gabungan muzik tradisional dan moden," katanya.

Lebih bermakna lagi kata Daiyan apabila Jom Raya merupakan lagu raya pertamanya sepanjang pembabitian hampir sedekad dalam dunia nyanyian.

Berkongsi lanjut kata Daiyan Jom Raya sudah disiapkan setahun lalu tetapi tidak sempat dirakamkan akibat kekangan masa.

"Idea menghasilkan Jom Raya tercetus melalui pemerhatian saya terhadap segelintir pengguna media sosial yang gemar menggunakan *pick-up line* dalam kehidupan seharian.

"Lagu itu sudah disiapkan tahun lalu cuma tak sempat dirakamkan. Jadi tahun ini saya hanya membuat beberapa penambahbaikan.

"Rasanya ini antara projek paling mudah dan menyeronokkan," kata Daiyan yang menulis lirik itu bersama-sama Glowrush dan Efry Arwis.

Berkongsi mengenai sambutan Aidilfitri pula, penyanyi yang turut bergelar pelakon itu berkesempatan pulang ke kampung halaman ibunya di Kuantan, Pahang.

Berada di sana pada raya kedua hingga keempat, Daiyan akui seronok dapat berkumpul bersama sanak saudara.

Menurut Daiyan, hari raya memang sangat dinanti-nantikan.

Selain dapat berkumpul, istimewanya tahun ini apabila dia juga mengambil kesempatan itu meraikan kejayaan lagu Jom Raya bersama mereka.

"Rasa gembira sangat kerana selain dapat berjumpa sanak saudara, saya juga seronok kerana kali ini dapat meraikan

kejayaan Jom Raya di samping keluarga," kata Daiyan.

Mengenai juadah wajib dihidangkan khas buat tetamu, kata Daiyan nasi dagang adalah antara menu wajib yang disajikan keluarganya setiap kali Syawal.

Sebelum ini, juadah itu disediakan neneknya tetapi kini tugas itu diambil alih ibunya.

"Memang nasi dagang menjadi pilihan utama kami, kerana nenek pakar memasak juadah ini. Bagi saya nasi dagang yang paling sedap adalah dari hasil air tangannya.

"Tapi selain nasi dagang, lemak juga menjadi antara makanan wajib pada pagi raya," katanya.

DAIYAN



Rindu yang tidak pernah padam



IMAN TROYE

BIARPUN sudah empat tahun penyanyi Siti Sarah Raissuddin meninggal dunia, pemergian Allahyarham tetap dalam ingatan semua.

Begitu juga dengan penyanyi **Iman Troye** atau nama sebenarnya Siti Nur Alyssa Sahabudin, 23, sentiasa merindui arwah yang banyak memberi inspirasi kepadanya dalam membina kerjaya sebagai penyanyi.

Apatah lagi, arwah pernah menjadi penguat semangat buatnya untuk terus bangkit daripada tekanan.

Mengimbas semula, arwah juga pernah hadir ke Sekolah Menengah Kebangsaan Bandar Tasik Puteri, Rawang, Selangor untuk memberi semangat sebelum Iman menjawab kertas Matematik bagi Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) pada 2019.

"Untuk itu, saya telah merakam semula lagu Kesetiaan pada 2023, nyanyian asal kakak kesayangan, arwah Siti Sarah, sebabnya, saya sangat menghargai dan sentiasa mengenang memori bersamanya.

"Kesetiaan antara lagu kegemaran saya. Disebabkan itu, saya menjadikan

rakaman semula lagu ini sebagai penghargaan.

"Bagi yang tidak tahu, arwah memberikan semangat untuk memulakan langkah sebagai penyanyi.

"Saya sempat berguru dan belajar beberapa perkara dengan arwah, Alhamdulillah. Kami kerap juga berjumpa di mana arwah mengajar vokal dan bagaimana nak bina keyakinan berhadapan dengan orang ramai.

"Sebab itu saya sangat terasa pemergiannya, sebab selalunya saya banyak mengadu kepadanya. Kini yang tinggal hanya doa dan rindu," katanya.

Menyentuh tentang kerjaya, Iman akui selain menyanyi, dia juga sering mendapat tawaran untuk berlakon, sehingga kini Iman lebih senang memberi tumpuan kepada nyanyian dan muzik.

"Sekarang sebagai penyanyi pun, saya belum berada pada tahap stabil dan banyak yang perlu dilakukan lagi. Oleh itu, untuk kembangkan bakat dalam lakonan, tunggu dulu.

"Saya kena mempersiapkan diri dengan ilmu lakonan dulu dan apabila sudah betul-betul bersedia, baru melangkah. Saya tidak mahu tergesa-gesa jadi pelakon kerana sekadar cuba-cuba.

"Lagipun, saya tak mahu digelar atau dikatakan orang sebagai 'pelakon kayu' serta apa saja panggilan kurang baik. Saya nak kalau berlakon nanti, penonton yang tengok itu tahu saya memang boleh berlakon," katanya.

Bercakap tentang pencapaiannya hari ini, Iman tidak nafikan sokongan tanpa jemu para peminat amat dihargainya.

Untuk itu, sempena Aidilfitri tahun ini, Iman muncul dengan album mini berjudul Janji Raya yang menampilkan lima buah lagu raya.

Album terbitan XO House itu memuatkan lagu Raya Ya Ya duet bersama Datuk Aliff Syukri, Salam Salam Lebaran, Selendang Ibunda, Raya Kan kolaborasi bersama Angga Dermawan dari Indonesia dan Janji Happy Hari Raya, duet bersama rakan artis Dalia Farhana, Zubir Khan, Naim Daniel serta Alya Marden.



**JOM RAYA RAIH
LEBIH SEJUTA
TONTONAN** ▶▶23

**RISIKO KECEDERAAN
TANGAN** ▶▶22

JAGA ADAB KETIKA BERZIARAH

AZLAN ZAMBRY

TULAR di media sosial baru-baru ini kisah tetamu yang hadir ke rumah semasa musim perayaan tanpa memberikan makluman awal kepada tuan rumah. Tindakan itu bukan sahaja menyebabkan tuan rumah berasa terganggu, malah menimbulkan ketidakselesaan kerana persediaan yang tidak mencukupi untuk menerima kunjungan. Kisah ini membuka ruang perbincangan hangat dalam kalangan masyarakat mengenai adab berkunjung ketika musim perayaan seperti Aidilfitri.

Mengulas isu ini, pendakwah bebas, **Kamal Firdaus Ahmad** tampil berkongsi pandangan berserta sandaran ayat Al-Quran dan hadis bagi memperkukuh kefahaman umat Islam tentang adab berziarah agar hubungan silaturahim dapat dieratkan tanpa menjejaskan keselesaan mana-mana pihak.

Menurutnya Islam amat menekankan adab ketika berkunjung termasuk menjaga masa, menghormati privasi serta tidak memaksa tuan rumah menerima kehadiran tetamu secara tiba-tiba.

"Islam mengajar agar tetamu terlebih dahulu menghubungi untuk memaklumkan niat berkunjung," katanya.

Beliau merujuk firman Allah SWT dalam Surah An-Nur, ayat 27: "Wahai orang yang beriman, janganlah kamu memasuki rumah yang bukan rumah kamu sebelum meminta izin dan memberi salam kepada



penghuninya. Yang demikian itu lebih baik bagi kamu, mudah-mudahan kamu mengambil pengajaran".

Selain itu, katanya Nabi Muhammad SAW turut mengajar agar salam diberi sebanyak tiga kali untuk meminta izin dan jika tidak dibalas, tetamu hendaklah beredar dengan bersangka baik.

Kamal berkata sebagai umat Islam, dapat diperhatikan banyak tindakan yang kurang beradab ketika berkunjung-kunjungan lantaran menganggap ia perkara biasa berikutan sudah kenal lama, mahupun kalangan saudara-mara. "Antara tindakan kurang beradab

yang sering dilakukan termasuk hadir tanpa izin atau makluman awal malah duduk terlalu lama sehingga menyusahkan tuan rumah juga dilarang agama.

"Ada individu sering memberi komen negatif terhadap rumah, tanya soalan tidak sesuai sehingga menimbulkan ketidakselesaan dan memasuki ruang peribadi seperti bilik atau membuka almari tanpa izin," katanya.

Bagi mengelakkan situasi ini, beliau menyarankan beberapa langkah yang perlu dilakukan supaya aktiviti kunjung-mengunjung pada musim perayaan ini berlangsung dalam suasana harmoni.

"Umat Islam perlu sentiasa meminta izin dan memberi makluman awal sebelum hadir bagi memudahkan tuan rumah melakukan persiapan.

"Selain itu, pengunjung harus menepati masa dan memaklumkan jika berlaku kelewatan atau perubahan rancangan dan duduk hanya di tempat yang dibenarkan serta elakkan menyentuh barangan tanpa kebenaran," kata beliau.

Katanya hal ini adalah selari dengan saranan Rasulullah SAW: "Sesungguhnya di antara sebaik-baik adab seseorang ialah tidak duduk di tempat yang tidak diizinkan, tidak melihat ke dalam rumah orang lain tanpa izin". (Hadis Riwayat al-Bukhari dan Muslim).

Beliau menyatakan bahawa membawa hadiah atau buah tangan merupakan amalan mulia dalam Islam.

"Budaya masyarakat Melayu yang membawa buah tangan ketika berkunjung sangat bertepatan dengan ajaran Islam," katanya.

Nabi SAW bersabda: "Saling memberi hadiahlah kamu, nescaya kamu akan saling mencintai". (Hadis Riwayat al-Bukhari dalam Adabul Mufrad 594).

Menurut Kamal memberi salam adalah sunnah yang dituntut di dalam Islam dan ucapan 'Assalamualaikum' hendaklah disertakan dengan senyuman dan adab sopan.

"Perbualan pula haruslah dimulakan dengan pertanyaan umum seperti bertanya khabar atau mengenang kisah silam yang positif.

"Perlu dielakkan soalan berbentuk peribadi, sindiran atau topik sensitif seperti fahaman politik atau isu keluarga yang mungkin tidak disenangi tuan rumah," jelasnya.

Ia selari dengan firman Allah SWT: "Apabila kamu diberi penghormatan dengan suatu salam, maka balaslah dengan yang lebih baik daripadanya, atau balaslah dengan yang serupa". (Surah An-Nisa', ayat 86).

Nabi SAW pula bersabda: "Kamu tidak akan masuk syurga sehingga kamu beriman dan kamu tidak akan beriman sehingga kamu saling mencintai. Mahukah aku tunjukkan satu amalan jika kamu melakukannya, kamu akan saling mencintai? Sebarkan salam antara kamu". (Hadis Riwayat Muslim 54).

Beliau mengingatkan bahawa niat berkunjung mestilah ikhlas untuk mengeratkan silaturahim dan sebaliknya bukan menyusahkan tuan rumah.

Katanya kisah yang tular sebelum ini diharap menjadi pengajaran kepada semua pihak agar sentiasa menjaga adab semasa berkunjung atau berziarah. 📌



KAMAL FIRDAUS



SERTAI SALURAN TELEGRAM

t.me/wilayahku

UNTUK INFORMASI TERKINI!



IMBAS KOD QR

